UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# Perutusan Naib Canselor 2019

## Profesor Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris

## IHSAN : INTEGRITI DAN KEWIBAWAAN

15 Februari 2019 | DEWAN BESAR PKKSSAAS, UPM

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

# VISI

Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa

# MISI

Memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu

# NILAI

UPM sentiasa memastikan staf dan pelajar menghayati, berusaha dan membentuk iltizam yang tinggi ke arah mencapai universiti bereputasi antarabangsa. Justeru, Pelan Strategik 2014-2020 didasari oleh Nilai Utama iaitu nilai kepunyaan bersama komuniti UPM dalam pelaksanaan perancangan, pelan dan aktiviti Universiti adalah seperti berikut:

- **Kecemerlangan**
- **Kepelbagaian**
- **Kelestarian**
- **Integriti**



# Perutusan Naib Canselor 2019

## Profesor Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris

## IHSAN : INTEGRITI DAN KEWIBAWAAN

15 Februari 2019 | DEWAN BESAR PKKSSAAS, UPM

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2019

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No. Ahli: 9802

Perpustakaan Negara Malaysia  Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan
ISBN 978-967-344-693-3

Rupa Taip Teks: Helvetica Neue LT Std
Saiz Taip Teks: 10/14
Reka Bentuk Kulit: Anuar Pairan
Reka Letak Teks: Anuar Pairan, Mohd.Ghazali Razak

Dicetak oleh
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd
No. 11, Jalan Tun Perak 6, Taman Tun Perak
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan

# "IHSAN: INTEGRITI DAN KEWIBAWAAN"

**PROFESOR DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS**

# KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 1 | LEGASI IHSAN DAN IMBASAN KEGEMILANGAN 2018 | 11 |
| 2 | MEMARTABAT AGENDA KELESTARIAN | 19 |
| 3 | IHSAN: INTEGRITI DAN KEWIBAWAAN | 25 |
| 4 | MEMACU WIBAWA PERTANIAN | 29 |
| 5 | MEMPERTEGUH PENYELIDIKAN DAN INOVASI | 35 |
| 6 | MERANCAKKAN KOLABORASI DAN PENGANTARABANGSAAN | 39 |
| 7 | MENGUNGGULI WIBAWA BAKAT | 45 |
| 8 | MEMUGAR WIBAWA PELAJAR | 51 |
| 9 | MENYANTUNI ALUMNI MENCINTAI ALMA MATER | 55 |
| 10 | MENJAYAKAN TRANSFORMASI AKADEMIK | 59 |
| 11 | MENGUPAYAKAN UPM SEBAGAI KAMPUS PINTAR | 63 |
| 12 | MEMPERKASA PERANAN DAN SUMBANGAN KAMPUS BINTULU | 67 |
| 13 | MEREKAYASA UPM HOLDINGS PEMACU PENJANAAN PENDAPATAN | 71 |
| 14 | MEMPERHEBAT PEMBANGUNAN FIZIKAL UNTUK KESEJAHTERAAN KAMPUS | 79 |
| 15 | MEMBUDAYAKAN WACANA INTELEKTUAL BERASASKAN KESARJANAAN | 79 |
| 16 | MERAIKAN VISIBILITI DAN INKLUSIVITI | 81 |
| 17 | MEMBITARAI PELAN TRANSFORMASI UPM | 87 |
| 18 | PENUTUP | 91 |

# PENDAHULUAN

## Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir di majlis Perutusan Tahun Baharu 2019 Naib Canselor pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga Universiti Putra Malaysia (UPM), yang berkesempatan untuk hadir mendengar perutusan kali ini. Saya yakin kehadiran ahli akademik, pegawai kumpulan profesional dan pengurusan, kumpulan pelaksana dan para pelajar pada hari ini, menzahirkan semangat "We Love UPM" untuk bersama-sama, melonjak pencapaian dan kecemerlangan UPM ke tahap yang lebih unggul.

Saya sangat berbesar hati, kerana masih lagi diberikan kesempatan untuk menyampaikan Perutusan Tahun 2019 kepada semua warga UPM. Saya menyifatkan perutusan kali ini adalah Perutusan Tahun Baharu terakhir saya sebagai Naib Canselor UPM. Justeru, sudah tentu perutusan kali ini menjadi sangat istimewa dan bermakna apabila saya berkesempatan untuk berkongsi tentang kejayaan dan pencapaian penting UPM, khususnya sejak saya dilantik sebagai Naib Canselor mulai Januari 2016. **Apa yang pasti, cerita kejayaan dan pencapaian ini bukan mengenai kisah saya semata-mata, tetapi ia menjadi legasi dan milik kisah kita semua sebagai warga UPM.**

UPM

UPM

## LEGASI IHSAN DAN IMBASAN KEGEMILANGAN 2018

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Pada 20 April 2016, iaitu semasa menyampaikan Perutusan Naib Canselor sempena 100 hari pentadbiran, saya telah menzahirkan iltizam untuk menjadikan UPM sebagai sebuah **Taman Ilmu dan Pemikiran** yang bersandarkan kepada konsep ***ihsan*** sebagai tonggak kecemerlangan UPM. Taman Ilmu dan Pemikiran bertunjangkan ihsan ini bukan sahaja sebagai matlamat, tetapi jenama yang menggambarkan citra UPM sebagai sebuah institusi yang kukuh dan berwibawa, menjadi intelektual raudah yang subur dengan pemikiran bermartabat, pemangkin kecemerlangan universiti dan sekali gus memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan peradaban negara. Justeru, konsep ihsan ini terus diberi penekanan dalam intipati perutusan saya pada 2017 dan 2018, melalui saranan dan pendekatan yang lebih komprehensif dalam semua aspek tanggungjawab dan inisiatif yang dilaksanakan oleh UPM.

Alhamdulillah, hasil kesepakatan kita mendukung konsep ***ihsan*** dalam setiap amal perbuatan dan pekerjaan, kita berjaya mengharungi cabaran 2016 hingga 2018 dengan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan yang membanggakan. Kejayaan dan kecemerlangan ini juga adalah hasil kemapanan kita mengadunkan kombinasi usaha yang cukup padu dengan nilai ***ihsan*** dan **budaya kerja cemerlang seperti integriti, cekap, ikhlas, amanah dan mempunyai kualiti yang tinggi.**

Penghayatan ***ihsan*** bergantung kepada semangat kekitaan dan solidariti kita sebagai warga UPM. Alhamdulillah, saya juga berasa bangga apabila dalam tempoh yang singkat, ***ihsan*** berjaya menyemarakkan semangat **"We Love UPM"** dalam kalangan warga universiti dan alumni. Kempen yang dimulakan dengan pembinaan arca utama "We Love UPM" pada tahun 2017 di Laman Putra hasil sumbangbakti alumni UPM ini menjadi mercu tanda kasih sayang dan perpaduan dalam kalangan warga universiti, dan sekali gus arca ini merangsang pembinaan banyak arca seumpamanya di persekitaran entiti UPM, dengan bentuk dan tema yang variasi hasil garapan seni kreatif, kepelbagaian, kelestarian, dan nilai kasih sayang warga dan alumni UPM. **Saya berharap semangat sayangkan UPM ini bukan sahaja terzahir dalam bentuk arca atau monumen, tetapi mendarah daging dalam leluhur kita, kerana 'UPM ini adalah kita semua'.**

Hadirin sekalian,

Mengimbas kembali perutusan tahun 2017, saya telah menyarankan agar warga UPM **membudayakan aktiviti kesukarelawan** dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Saya bersyukur kerana saranan ini mendapat perhatian dan sokongan daripada warga UPM, khususnya, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Sahabat Masjid, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Pusat Islam, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kediaman, Fakulti, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, dan banyak lagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain yang menggerakkan dan mengangkat program sukarelawan sebagai agenda ***ihsan*** melalui jenama **Putra Bakti**. Banyak projek Putra Bakti telah dilaksanakan yang melibatkan pelajar, akademia, staf, dan alumni, dengan sokongan daripada komuniti dan industri dalam bidang pertanian, pendidikan, kesihatan, sains dan teknologi, alam sekitar, serta aktiviti bantuan sosial ke arah meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Universiti mempunyai peranan penting dalam memindahkan pengetahuan kepada masyarakat melalui saluran yang mudah dan berkesan dengan memanfaatkan peranan media, sama ada media tradisional mahupun media sosial. Kita menyedari bahawa media telah membuktikan peranannya sebagai wahana yang berupaya membekalkan maklumat dan pengetahuan, membantu dalam menghidupkan suasana ilmu, menyalurkan berita, meningkatkan pengetahuan, berkongsi budaya, mendorong, mencorakkan pemikiran dan meningkatkan kesedaran masyarakat.

Sikap kepedulian warga kampus tentang permasalahan yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat diperkukuhkan lagi melalui program intervensi masalah sosial negara oleh tenaga pakar UPM dalam pelbagai bidang yang mencakupi isu seperti pengangguran, kemiskinan, pencemaran, kesihatan mental, obesiti dan lain-lain, mencerminkan dengan jelas konsep **Universiti Untuk Masyarakat**. Nilai ***ihsan*** warga UPM dalam menabur bakti dengan mencambahkan projek Putra Bakti ini sangatlah dikagumi dan perlulah dilaksanakan secara berterusan dan holistik melalui kerjasama yang kolektif. Justeru, saya memohon Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) untuk menyelaras kompilasi semua aktiviti Putra Bakti dan seterusnya menghasilkan sebuah buku inisiatif UPM dalam bidang kesukarelawanan yang meliputi pelbagai bidang dan diterbitkan pada pertengahan tahun 2019.

Sesuai dengan peranannya itu, maka melalui konsep ***ihsan***, saya seringkali mengingatkan warga UPM, khususnya para akademia supaya agresif berkongsi maklumat dengan masyarakat melalui aktiviti penulisan kepakaran dalam media. Aktiviti penulisan bukan sahaja terbatas kepada intipati penemuan yang diterbitkan dalam jurnal dan sebagainya, tetapi juga menggunakan hasil penyelidikan tersebut bagi memberi maklum balas kepada sebarang isu dan fenomena yang berlaku di dalam dan luar negara. Langkah ini adalah pragmatik dan berkesan supaya masyarakat dapat menguji, mencuba, menghayati dan menggunakan ilmu tersebut untuk maslahat bersama. Perkongsian ini adalah usaha bijak dalam memaknakan strategi membangunkan minda rakyat melalui wacana ilmiah yang berkualiti. Menyampaikan pengetahuan dan kemahiran melalui penulisan ilmiah ini bukan sahaja dapat menyuburkan budaya ilmu tetapi juga berupaya memberi sumbangan yang besar terhadap pembinaan minda bangsa yang maju.

Inisiatif UPM dalam konteks “media synergy” dan komunikasi strategik telah merancakkan penyertaan bukan sahaja para akademik, tetapi juga pegawai bukan akademik UPM dalam penulisan, dan ramai pakar UPM aktif memberikan maklum balas kepakaran dalam media massa. Saya sangat teruja dan kagum dengan sumbangan ramai ahli akademik dan bukan akademik UPM yang sentiasa responsif dengan isu-isu semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Analisis menunjukkan bahawa, UPM berjaya mencapai lebih empat ratus (400) maklum balas pakar dalam media termasuk artikel, temu bual dan wawancara untuk tempoh setahun. Banyak huraian isu telah didiagnosis dan cadangan telah dikemukakan untuk pertimbangan pembuat polisi serta sekali gus meningkatkan pengetahuan juga kefahaman rakyat dalam sesuatu bidang.

Visibiliti UPM juga terserlah apabila kita berjaya mencapai lebih 8,000 berita, artikel dan video klip setahun yang memaparkan jenama UPM dalam media massa. Ini adalah pencapaian tertinggi visibiliti UPM sejak tahun 2007 dan sekali gus membuktikan penghayatan dan nilai ihsan dalam kalangan warga kampus. Sehubungan itu, saya juga meminta supaya Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi untuk menerbitkan buku *Advokasi Putra* yang memapar sumbangan warga UPM dalam proses advokasi melalui penulisan artikel dan maklum balas kepakaran dalam media arus perdana sejak tahun 2016 hingga 2017. InsyaAllah saya akan menyempurnakan *soft launch* **buku Advokasi Putra** pada hari ini. Kita berharap buku ini dapat diterbitkan selewat-lewatnya pada Julai 2019.

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Pada kesempatan ini juga, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas segala kejayaan, pengiktirafan dan kecemerlangan yang diraih UPM pada tahun 2018 yang lalu. Sesungguhnya kejayaan ini adalah manifestasi komitmen warga UPM terhadap visi dan misi untuk menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti bereputasi antarabangsa, dan sekali gus menjadikan UPM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang disegani di Malaysia.

Tahun 2018 menyaksikan UPM memenangi **pingat emas Anugerah Harta Intelek Negara 2018** (AHIN2018) untuk Kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik) dan sekali gus mengekalkan kecemerlangan UPM memenangi anugerah ini buat kali keenam bagi kategori yang sama sejak tahun 2008. Pengiktirafan ini mencerminkan budaya kualiti UPM yang tinggi, sentiasa mempertingkat, dan memperteguh aktiviti penyelidikan serta inovasi dalam pelbagai bidang. UPM menyediakan ekosistem pengurusan Harta Intelek yang terbaik, di kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), melalui Putra Science Park (PSP). Seterusnya kejayaan ini disusuli dengan penghargaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila memilih UPM sebagai penerima anugerah **'Research and Innovation Excellence Award'** pada majlis Malaysia's Research Star Award (MRSA) & **Pengiktirafan Jurnal CREAM** (Current Research Malaysia) 2018.

Menjulang UPM ke puncak jaya merupakan kombinasi usaha yang menyeluruh dan strategik. Ini termasuklah sumbangan para akademia, staf, pelajar dan alumni dalam pelbagai lapangan. Pada 2018, para akademia UPM mendapat banyak pengiktirafan dan kejayaan sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa seperti **Anugerah Merdeka 2018** yang dimenangi oleh Prof. Dato' Dr. Hair Bejo, bagi kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi. Kewibawaan warga UPM juga diiktiraf apabila beberapa orang akademia dipilih sebagai penerima Anugerah Akademik Negara (Kategori Pengajaran), Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu, ISSAAS Matsuda Award, 'Felo' Akademi Sains Malaysia (ASM), Anugerah 'Lifetime Achievement – Academic & Veterinarian' dan banyak lagi anugerah lain yang dirakamkan dalam **Buku Imbasan Kegemilangan 2018**.

Pada 2018 juga, pelajar UPM terus menempa kejayaan cemerlang dalam bidang sukan apabila menjuarai beberapa kejohanan utama seperti Kejohanan Terjun Siri Dunia FINA, Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), Karnival Futsal Wanita IPT, Festival Sukan Pendidikan Pengajian Tinggi, Kejohanan Ragbi Super 8 IPT, Kejohanan Olahraga & Renang MASUM, Kejohanan World University Shooting Championship, Olahragawati Kebangsaan Anugerah Sukan Negara dan paling membanggakan ialah sebanyak 27 atlet pelajar UPM terpilih mewakili Malaysia ke Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dan 54 atlet UPM mewakili Malaysia ke ASEAN University Games. Selain arena sukan, UPM juga turut dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Debat DiRaja 2018, juara Festival Zapin Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi Kebangsaan (PIN'18), Malaya Makerthon, Queen's Young Leaders Award dan unggul dalam Malaysian Three Minute Thesis (3MT) serta dipilih sebagai penerima People's Choice Award dalam The 2018 Asia-Pacific 3MT Competition.

Mendukung aspirasi pengantarabangsaan menerusi inisiatif ranking global pula, **UPM telah berjaya memperkukuhkan ranking ke-202 universiti terbaik dunia dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2018/2019 dan ke-34 universiti terbaik di Asia dalam 'QS Asia University Ranking 2019'**, sekali gus mempertahankan kedudukan ranking kedua universiti terbaik di Malaysia selama tiga tahun berturut-turut. **Terkini, pada 11 Februari 2019, UPM telah diumumkan sebagai universiti ke-4 terbaik di Asia, oleh QS University Ranking 2019**. Selain itu, sebanyak 14 subjek UPM berada pada kedudukan 200 terbaik dunia berdasarkan penilaian QS World University Rankings by Subject 2018 dan mengekalkan kedudukan 100 terbaik dunia dalam subjek Pertanian dan Perhutanan selama enam tahun berturut-turut, manakala subjek Kejuruteraan Kimia berjaya mengekalkan kedudukan 100 terbaik dunia buat dua tahun berturut-turut. Semua kejayaan yang diraih ini tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga UPM yang menghayati nilai ihsan bagi memartabatkan jenama UPM pada peringkat global dan pemangkin kepada kesejahteraan masyarakat.

WE UPM
Donate your used fabrics here!
recycling?
UPM
In collaboration with
kloth care

## MEMARTABAT AGENDA KELESTARIAN

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Pada 2018, UPM telah disenaraikan dalam **ranking ke-32 universiti terbaik dunia oleh UI-Greenmetric World University Ranking** dan sekali gus menjadikan UPM sebagai **peneraju utama kampus hijau** di Malaysia dalam tempoh sembilan tahun berturut-turut. Analisis UI-Greenmetric Ranking 2018 juga menyaksikan bahawa UPM berada pada **ranking kedua di Asia Tenggara** dan **ketiga terbaik di rantau Asia**. Ini merupakan kejayaan yang amat membanggakan buat seluruh komuniti kampus dan saya percaya ia adalah usaha kolektif dalam memastikan UPM terus unggul dalam menterjemahkan agenda kelestarian. Pencapaian cemerlang ini menunjukkan bahawa komitmen dan inisiatif UPM dalam pemerkasaan kelestarian hijau telah diiktiraf oleh agensi antarabangsa dan menjadi salah sebuah kampus yang disegani di rantau ini. Pengiktirafan dan penghargaan ini adalah sejajar dengan pelaksanaan Polisi Hijau UPM, tadbir urus kelestarian hijau, amalan sistem pengurusan kualiti alam sekitar, pendidikan, penyelidikan dan inovasi hijau, dan pelbagai kempen kesedaran untuk meningkatkan pengetahuan serta kefahaman berkaitan kelestarian hijau.

Sepanjang 2018, UPM telah melaksanakan beberapa projek kelestarian hijau seperti Program Kitar Semula Fabrik, Program Kitar Semula Mobile e-Waste, Used Cooking Oil Collection, Putra Green Run, Kajian Keberkesanan Sistem Pengangkutan Lestari, Persidangan Forensik Alam Sekitar Antarabangsa, Program Tanam Pokok, Pertanian Bandaran Konsep 3R, Program Berbasikal Go Green, kempen penjimatan air, elektrik dan kertas, Kelestarian Hijau @ SISFEC, River of Life @Serdang dan lain-lain lagi termasuk Pelancaran Kempen UPM Beat Plastic Pollution. Saya ucapkan tahniah dan syabas di atas keprihatinan dan kesedaran warga kampus terhadap isu alam sekitar dan sentiasa berusaha mewujudkan ekosistem kampus yang lestari dan harmoni.

Pada 2018, UPM telah disenaraikan dalam **ranking ke-32 universiti terbaik dunia oleh UI-Greenmetric World University Ranking** dan sekali gus menjadikan UPM sebagai **peneraju utama kampus hijau** di Malaysia dalam tempoh sembilan tahun berturut-turut.

Warga kampus yang saya kasihi sekalian,

Penghayatan dan amalan terhadap konsep kelestarian mestilah diperkukuhkan terutamanya untuk mencapai aspirasi UPM sebagai kampus lestari dalam erti kata yang lebih menyeluruh. Sebagai contohnya, pendekatan kita dalam konteks kelestarian kampus bukan sahaja terhadap isu berkaitan alam sekitar, tetapi pada masa yang sama mestilah mengambil kira DIMENSI KELESTARIAN KEWANGAN, iaitu meneroka penjimatan dan penggunaan sumber yang efektif, DIMENSI SOSIAL, iaitu nilai untuk masyarakat dan komuniti UPM, dan pastinya DIMENSI ALAM SEKITAR melalui tadbir urus dan pemeliharaan serta pemuliharaan sumber-sumber alam semula jadi yang cekap dan berkesan.

Kelestarian kampus bukanlah suatu matlamat baharu kepada UPM, kerana kita telah mempunyai polisi untuk menangani isu-isu pencemaran dan meminimumkan impak negatif ke atas alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan dalam penggunaan sumber dan perkhidmatan UPM, yang memfokuskan kepada aktiviti pengajaran, penyelidikan, pengembangan dan perkhidmatan profesional untuk membantu masyarakat dan warga kampus menjana perubahan kepada gaya hidup lestari. Justeru, UPM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang mencipta reputasinya yang tersendiri dalam kelestarian hijau seharusnya mengungguli agenda kelestarian secara kompehensif bagi menjamin kelestarian komuniti pada masa depan.

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Saya percaya, memupuk dan mendidik warga kampus tentang gaya hidup lestari bukan sahaja dapat menyumbang ke arah persekitaran yang lebih sihat dan mengekalkan khazanah hijau UPM, malah ia juga mampu merangsang inisiatif urus niaga dan pendanaan universiti. Untuk merealisasikan matlamat dan impian ini, saya meminta supaya Jawatankuasa Kelestarian Hijau UPM mengambil pendekatan yang bersepadu untuk menggerakkan beberapa inisiatif pada tahun 2019 seperti **menyediakan UPM *Sustainable Transportation System Blueprint*, iaitu hala tuju penting untuk meningkatkan mobiliti dan aksesibiliti kampus, mengurangkan kebergantungan kenderaan bermotor, menggalak dan mempromosi sistem pengangkutan hijau, dan memperkasa amalan pengangkutan hijau di UPM. Selain itu, jawatankuasa ini juga mestilah proaktif dalam membangunkan *blueprint* Pelan Pengurusan Pokok, Pelan Lanskap Ikonik, menggerakkan penubuhan Tabung Hijau, meningkatkan kempen dan strategi mengurangkan penggunaan tenaga, serta mempromosikan UPM sebagai Kampus Mesra Pejalan Kaki dan berbasikal.**

Dalam usaha memastikan warga UPM sentiasa membudayakan gaya hidup kampus hijau, UPM juga akan mewujudkan **Green Office Certification Program, Pusat Kitar Semula atau Putra Recycle Centre (PRC), mengkomposkan semua sisa makanan**, melaksanakan **kajian tahap pengetahuan dan kesedaran** warga UPM terhadap kelestarian hijau, memantapkan **Green Master Plan**, meningkatkan **kesepakatan** antara UPM dan institusi lain termasuk agensi kerajaan dengan meneroka perancangan holistik dan melaksanakan amalan kelestarian, meningkatkan **program penyelidikan** yang menyumbang kepada pembangunan lestari, mempergiatkan **program amalan persekitaran lestari** melalui aktiviti kokurikulum pelajar dan memperkasa ***community engagement*** melalui program kesedaran, perkongsian teknologi, inovasi dan amalan kelestarian, bersama masyarakat.

mempergiatkan **program amalan persekitaran lestari** melalui aktiviti kokurikulum pelajar dan memperkasa ***community engagement***

## IHSAN: INTEGRITI DAN KEWIBAWAAN

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Sepertimana yang kita sedia maklum, konsep ***ihsan*** telah diangkat menjadi tema besar dalam perutusan sejak 2016 lagi. Dalam konteks ini, ***ihsan*** telah dipromosi sebagai nilai bersama yang sangat penting dalam usaha kita memacu kecemerlangan UPM berasaskan integriti, profesionalisme dan kualiti. Kita percaya, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, ***ihsan*** sudah mulai menjadi pegangan dan berjaya dihayati oleh warga UPM sebagai tonggak untuk mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan bersama.

Perutusan kali ini akan membawa wacana ihsan, integriti dan kewibawaan. Wacana ini sangat kritikal kerana kita perlu mencari naratif baharu untuk memastikan bahawa pencapaian dan kecemerlangan UPM benar-benar mempunyai makna dan boleh dibanggakan. Dalam usaha kita mengejar kecemerlangan, kita perlu berpegang kepada nilai integriti dan etika kerja yang tinggi. Tidak ada jalan pintas untuk satu kejayaan. **Hal ini selari dengan aspirasi kerajaan melalui saranan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu melancarkan Pelan Anti Rasuah Nasional pada bulan Januari 2019, agar Malaysia dikenali kerana integriti. Ia juga selari dengan Amanat Menteri Pendidikan Malaysia 2019, YB. Maszlee Malik yang menekankan soal etika bekerja yang baik, khususnya dalam mengejar kecemerlangan akademik.**

Hal ini selari dengan aspirasi kerajaan melalui saranan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu melancarkan Pelan Anti Rasuah Nasional pada bulan Januari 2019, agar Malaysia dikenali kerana integriti. Ia juga selari dengan Amanat Menteri Pendidikan Malaysia 2019, YB. Maszlee Malik yang menekankan soal etika bekerja yang baik, khususnya dalam mengejar kecemerlangan akademik.

Autonomi yang diberikan kepada universiti dan warganya perlu dipertanggungawabkan. Ini termasuk beramanah menjayakan kebebasan bersuara, kebebasan berpolitik dan kebebasan akademik oleh pelajar dan pegawai akademik. Jika kita menerapkan prinsip **ketelusan, kebertanggungjawaban** dan **integriti** serta **tadbir urus yang baik**, ia boleh menjadi asas kukuh kepada kewibawaan institusi yang diyakini, dirujuk dan terus relevan. **Kewibawaan bukan pengakuan sendiri, bukan juga pengiktirafan sendiri, jauh sekali bermain dengan persepsi**. Akan tetapi kewibawaan adalah keyakinan pihak luar terhadap kualiti, kecemerlangan UPM bersandarkan penghayatan ihsan dan nilai integriti yang kukuh.

Kita percaya dalam hal ini, kita bukan sahaja mahu melihat UPM berada di tahap kecemerlangan, tetapi berwibawa apabila diiktiraf oleh pihak luar dan dirujuk kepakaran warganya. Tema perutusan kali ini juga selari dengan empat hala tuju dalam mengembalikan kewibawaan universiti awam seperti dalam Amanat YB. Menteri, iaitu **kualiti, autonomi, kolaborasi dan pengantarabangsaan. Justeru, saya meminta Pejabat Pendaftar untuk memurnikan semula buku prinsip etika kerja yang telah diterbitkan pada tahun 2002 sebelum ini, agar ia lebih mantap dan boleh dilancarkan pada Hari Pekerja 2019 pada Mei nanti**.

ITRA
NULSI




## MEMACU WIBAWA PERTANIAN

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

**Pertanian** adalah teras dan luhur UPM. Dari segi ekosistem pertanian, UPM mempunyai organisasi, infrastruktur dan sumber manusia untuk menyumbang kepada agenda pertumbuhan sektor pertanian negara termasuk sekuriti makanan dan tanaman perladangan. Tujuh daripada 16 fakulti semasa adalah berdasarkan disiplin pertanian. Manakala enam daripada 10 institut memberi tumpuan kepada penyelidikan pertanian. Pada masa ini, terdapat 24 program bacelor dan tujuh program diploma yang berkaitan dengan pertanian. Fakulti dan institut bukan berasaskan pertanian juga telah memperkuat penawaran program akademik dan aktiviti penyelidikan menerusi kerjasama antara disiplin. Di samping itu, kedudukan UPM sebagai pusat kecemerlangan pertanian diperkukuh dengan peranan Pusat Transformasi Komuniti-Universiti (UCTC), khususnya untuk aktiviti pengembangan dan memindahkan teknologi kepada pengeluar pertanian (petani).

Ini bermakna, UPM mempunyai keupayaan sebagai sebuah institusi untuk menjana pengetahuan, teknologi dan inovasi bagi memajukan pertanian melalui program akademik, penyelidikan dan perkhidmatan profesional. Program akademik UPM pula adalah lengkap yang merangkumi **"Farm to Table"** dan keseluruhan rantaian nilai seperti pengeluaran, pasca tuai, pemprosesan, perniagaan, bioteknologi, dan kejuruteraan. Penyelidikan UPM pula telah dapat menangani isu seperti pengeluaran, pemprosesan, bioteknologi, teknologi hijau, dan pengurusan sumber yang mampan. Dari segi perkhidmatan profesional pula, UPM telah menjalankan program bersama pengusaha pertanian sama ada melalui **pengembangan** atau **"problem solving research"** secara insitu di ladang-ladang pengusaha.

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

**Misi universiti generasi ketiga memberi tumpuan kepada sumbangan universiti dalam konteks pemindahan ilmu dan penciptaan kemewahan negara. Justeru, peranan UPM tidak lagi boleh berlegar dalam konteks output semata-mata tetapi soal keberhasilan**. Hasil penyelidikan pertanian perlu dipakej dengan inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan ke arah menjayakan pertumbuhan sektor pertanian negara. Dalam hal ini, Putra Science Park (PSP) telah diberi tanggungjawab besar untuk mempromosi inovasi penyelidikan berkaitan. **Bagi menjayakan hasrat ini, terdapat dua tahap inisiatif yang sedang dijayakan oleh UPM, iaitu mengukuh sumbangan dalam bidang pertanian. Inisiatif yang telah digerakkan termasuk melihat semula program akademik di peringkat prasiswazah dan siswazah serta aktiviti penyelidikan, merangsang inovasi penyelidikan, keusahawanan, pengembangan, dan hubungan industri** dengan pertanian. Kita sangat berbangga dengan produk pertanian terbaharu UPM seperti antifeedant Sapputra (kawalan untuk siput gondang), Photosynthesis Enhancer dan System of Rice Intensification (SRI) Paddy Tray yang kini telah sedia untuk dipasarkan.

Satu cabaran dalam sektor pertanian negara adalah menjana usahawantani berpendidikan tinggi. Tidak dinafikan, bilangan graduan pertanian yang menceburi diri dalam kerjaya usahawantani masih rendah. **Justeru, usaha perlu dipertingkatkan untuk menerapkan ciri usahawantani kepada sebahagian daripada pelajar yang berminat dan cenderung terhadap kerjaya ini**. Program inkubasi keusahawanan yang telah bermula pada beberapa tahun yang lepas, boleh menjadi satu platform latihan tambahan bagi pelajar yang berminat setelah bergraduat. Sepanjang program inkubasi, para peserta menerima bimbingan dan tunjuk ajar daripada pelbagai pakar di universiti, sektor swasta melalui program "mentor-mantee" dan sokongan daripada agensi kerajaan yang berkaitan pertanian. Selain daripada itu, UPM akan terlibat secara aktif dalam penggubalan polisi pertanian. Ini kerana negara yang telah mencapai sekuriti makanan yang mapan umumnya, mempunyai rekod sokongan yang kuat kepada sektor pertanian, pertimbangan yang teliti terhadap insentif ekonomi untuk pengeluaran dan pelaburan pertanian.

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Kewibawaan UPM sebagai **pusat kecemerlangan pertanian** akan terus diperkukuh dengan menjadi rujukan oleh pihak industri dan komuniti. Dalam hal ini, kewibawaan pertanian oleh UPM amat jelas apabila pakar daripada pelbagai disiplin pertanian telah dirujuk dalam projek Farm Fresh untuk pengeluaran susu lembu yang berkualiti dalam kampus, Green World Bamboo untuk pembinaan kompleks buluh, plot percubaan dan taman buluh, Taman Botani DBL pula untuk Projek Interpretif Taman. Dalam aspek perladangan, FELDA Plantation telah memohon kepakaran UPM mengusahakan Ladang Kelapa Sawit berskala besar manakala Jabatan Pertanian Malaysia untuk projek tanaman padi dan cili secara berkelompok. Bagi penternakan pula, kerajaan negeri bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Kelantan dan Perak telah mendapatkan khidmat kepakaran UPM untuk ternakan kambing serta lembu untuk tenusu dan daging.

Di persada antarabangsa, kewibawaan pertanian UPM mendapat perhatian daripada agensi luar negara antaranya Kementerian Pertanian **Bangladesh**, Pembangunan Sumber Manusia **Sri Lanka**, Kastura High School Japan, Kementerian Sumber Asli **India** dan Nile College **Sudan**. Program International Summer School in Food Security and Climate Change pada tahun lepas yang dianjur bersama oleh Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan UCTC telah menarik penyertaan daripada **Switzerland, Indonesia, Thailand, Filipina, Cambodia, Jepun, dan Austria**. Saya berharap usaha murni ini digiatkan lagi khususnya dalam memperkasa kewibawaan UPM dalam sektor pertanian di peringkat global.

UPM juga terkehadapan dalam menjuarai agenda pertanian, impak daripada komitmen kita membiayai **projek penyelidikan translational** dan aktiviti, jaringan komunti serta industri melalui UCTC dan Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CIRNET) yang dipantau oleh pihak Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat). Tidak dinafikan, aktiviti konsultasi dan pengembangan pertanian oleh warga UPM sering lebih kehadapan berbanding dengan IPT yang lain. **Malah, UPM antara universiti awam yang terawal menyediakan inisiatif Knowledge Transfer Grant Scheme (KTGS) untuk membiayai aktiviti pemindahan ilmu pertanian kepada komuniti terpilih oleh pakar yang terdiri dari warga kampus**. Ini jelas menunjukkan ekosistem fizikal dan kapasiti sumber manusia dalam bidang pertanian adalah sangat diberikan perhatian oleh UPM.

Commercialized
TECHNOLOGY
Commercialized
TECHNOLOGY

## MEMPERTEGUH PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Sejak diangkat menjadi Universiti Penyelidikan (RU), UPM telah menerima peruntukan dana RU mulai 2007 hingga 2018, dengan jumlah **RM781 juta**. Kita percaya dana sebesar ini telah berjaya memperteguh aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan universiti demi mencapai pembangunan dan wawasan negara. **Untuk meningkatkan lagi usaha ini, UPM mengambil inisiatif merintis kaedah pengkomersilan inovatif melalui penubuhan Hab Validasi Pasaran (InnoHub)**.

Program InnoHub adalah program berstruktur yang dibangunkan bagi membantu melatih bakal usahawan yang terpilih untuk menghadapi dunia perniagaan yang sebenar menggunakan produk inovasi penyelidik UPM. Melalui inisiatif ini, sebanyak **53 syarikat *start up* UPM** berjaya ditubuhkan dan menjadi pemangkin kepada kewujudan ekosistem lengkap yang menyokong proses pemindahan teknologi UPM daripada makmal hingga ke tahap yang boleh dipasarkan. Sejak penubuhan InnoHub pada 2013, inisiatif ini berjaya memperolehi dana pelaburan lebih RM9.6 juta, menjana pendapatan kepada UPM sebanyak RM860 ribu hasil bayaran pelesenan oleh 15 syarikat start-up, dan berjaya melahirkan 65 usahawan teknologi serta membuka peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat. Pada 2018, buat julung kalinya 10 buah syarikat start up UPM berjaya melepasi tahap kesediaan untuk bersaing dalam dunia sebenar perniagaan dan berkembang dengan lebih pesat tanpa sokongan UPM.

**Untuk meningkatkan lagi usaha ini, UPM mengambil inisiatif merintis kaedah pengkomersilan inovatif melalui penubuhan Hab Validasi Pasaran (InnoHub)**

Aktiviti penyelidikan dan inovasi akan terus dirancakkan. Para akademik perlu menghasilkan penerbitan yang berkualiti melalui penyelidikan berimpak tinggi yang boleh dijadikan bahan rujukan dalam penerokaan ilmu, bukan sahaja di peringkat serantau malah seluruh dunia. Penerbitan berimpak tinggi ini, atau dalam terma yang kita sering gunakan iaitu penerbitan bertaraf Q1 dan Q2 hanya boleh terhasil sekiranya kita menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi dan yang terkehadapan. Penyelidikan berimpak tinggi ini bukan hanya memberi manfaat kepada akademia, tetapi juga kepada masyarakat. Sebagai contoh, kajian peningkatan produktiviti dan kelestarian industri pengilangan minyak sawit di bawah tajaan LRGS KPM telah menghasilkan 51 indeks jurnal di mana 20 daripada nya diterbitkan didalam jurnal berimpak tinggi. 51 penerbitan berwasit yang terhasil dari projek ini sahaja telah menyumbang kepada 527 sitasi, dan dari 7 paten terhasil, 2 telah berjaya dikomersilkan. Impak dari projek ini telah berjaya meyakinkan MESTECC untuk terus memberikan dana sebanyak RM2.8 juta bagi membangunkan pilot plant dimana apabila teknologi yang terkehadapan ini dilaksanakan kelak, bakal memberi peningkatan kepada pendapatan negara sebanyak RM3 billion setahun dari segi peningkatan hasil minyak sawit. Secara tidak langsung, pendapatan pengeluar kecil juga akan meningkat hasil penyelidikan berimpak seperti ini.

Selain itu, inisiatif memperkasakan usaha untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti jaringan industri dan masyarakat terus diperkukuhkan. Antaranya melalui kerjasama antara UPM dan Malayan Flour Mills Berhad (MFM) sejak awal tahun lalu. Kerjasama ini merangkumi penajaan sepenuhnya pelajar Sains Haiwan pergi ke Arkansas Universiti, Amerika Syarikat selama setahun untuk pengkhususan dalam bidang pengurusan poltri. Syarikat ini akan menawarkan pekerjaan kepada pelajar yang berjaya selepas tamat pengajian mereka di Arkansas University. Selain daripada itu, syarikat ini juga menawarkan peluang latihan industri kepada pelajar yang lain yang ingin menjalankan latihan di ladang poltri. Endowmen dalam bentuk saham sebanyak tiga juta unit (bernilai RM lima juta) telah disediakan oleh Malayan Flour Mills Berhad dan sedang menunggu kelulusan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penguna (Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs). Dividen yang diperolehi kelak akan digunakan sebagai sumber peruntukan penyelidikan untuk memantapkan penyelidikan poltri di UPM. InsyaAllah.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE
BERILMU BERBAKTI
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## MERANCAKKAN KOLABORASI DAN PENGANTARABANGSAAN

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Selaras dengan visi UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa, universiti akan terus mempergiat agenda pengantarabangsaan dengan menjalin kerjasama dengan institusi di peringkat global. Tidak dinafikan, keupayaan UPM terus mengekalkan kejayaan dalam pelbagai bidang telah memperkuat tarikan institusi tempatan dan global untuk bersama-sama membina jaringan kerjasama merangkumi aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Antaranya, hubungan kerjasama ini diperkukuh dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Pada 2018, UPM telah menandatangani 73 Memorandum Persefahaman dan Perjanjian (MoU/MoA) berbanding dengan hanya 51 perjanjian pada 2017, iaitu peningkatan sebanyak 22% institusi. Daripada jumlah tersebut, 42 perjanjian merupakan kerjasama dengan institusi antarabangsa dan 31 agensi tempatan. Lonjakan 22% ini menunjukkan bahawa UPM terus mempergiat jaringan dan rangkaian untuk mencipta kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi.

Tidak dinafikan, keupayaan UPM terus mengekalkan kejayaan dalam pelbagai bidang telah memperkuat tarikan institusi tempatan dan global

Antara kerjasama antarabangsa UPM yang membanggakan adalah kerjasama dengan Kyushu Institute of Technology (Kyutech) Japan sejak 1994 lagi. Antara program yang dilaksanakan adalah penawaran program PhD Dual Degree, penganjuran Symposium Applied Engineering and Science (SAES) oleh kedua-dua universiti sebagai aktiviti tahunan sejak 2013, program pertukaran dan mobiliti pelajar, tenaga akademik dan pentadbir universiti dan kerjasama dalam penyelidikan, dan penubuhan UPM – Kyutech Malaysia Super Satellite Campus (MSSC) di UPM, iaitu kampus satelit pertama universiti awam Jepun di luar negara pada 2013. Untuk meningkatkan lagi kerjasama yang ada, UPM dan Kyutech merancang untuk melaksanakan program ***Pair Internship***. Menerusi program ini, pelajar Kyutech akan datang ke Malaysia untuk membuat Latihan Industri selama dua minggu bersama-sama pelajar UPM yang akan menjalani Latihan Industri di syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia. Ini membolehkan pelajar Kyutech mendapat pengalaman antarabangsa dan pelajar UPM akan beroleh manfaat dari segi jaringan antarabangsa dan meningkatkan kemahiran insaniah.

Selain kerjasama dengan institusi antarabangsa, salah satu inisiatif meningkatkan visibiliti UPM di peringkat antarabangsa adalah melalui pembentukan program kerjasama akademik (International Collaborative Program – ICP) di peringkat siswazah dengan universiti luar negara. Program ICP yang pertama diperkenalkan pada tahun 2009 apabila UPM menjalin kerjasama dengan University of Sheffield, UK bagi menawarkan program *Jointly Awarded Degree*. Sejak itu, pelbagai program lain diwujudkan iaitu *Dual Degree, Double Degree*, dan *Joint PhD Supervision (Cotutelle)*. Sehingga kini UPM telah menawarkan 26 program ICP bersama 21 buah universiti di 10 buah negara (UK, Perancis, Kanada, Jepun, Korea Selatan, Thailand, Australia, Kazakhstan, Iran dan Turki). Seramai 10 orang pelajar PhD telah bergraduat sejak tahun 2009 dan ketika ini seramai 40 orang pelajar (13 Master, 27 PhD) sedang dalam pengajian.

Program ini bukan sahaja dapat meningkatkan visibiliti UPM tetapi juga mampu meningkatkan kualiti dan daya saing graduan serta memberi peluang kepada bentuk kerjasama lain seperti penyelidikan, penerbitan, mobiliti pelajar dan staf akademik dengan rakan universiti.

Program ICP telah membuktikan kejayaannya dan akan terus dikembangkan. Program ini bukan sahaja dapat meningkatkan visibiliti UPM tetapi juga mampu meningkatkan kualiti dan daya saing graduan serta memberi peluang kepada bentuk kerjasama lain seperti penyelidikan, penerbitan, mobiliti pelajar dan staf akademik dengan rakan universiti. Sekolah Pengajian Siswazah dengan kerjasama fakulti serta institut di UPM telah berusaha membentuk beberapa program kerjasama baharu dengan universiti di Australia (Murdoch University), Jepun (KYUTECH), Iran (Sharif University of Technology), Perancis (Montpellier SupAgro), Indonesia (Universitas Gadjah Mada, Institut Pertanian Bogor) dan Filipina (University of Phillipines Los Banos) yang di jangka akan ditawarkan pada tahun 2019. Selain program ICP, UPM (kerjasama dengan KPM) juga sedang membentuk dua program kerjasama akademik iaitu dengan Institut Pendidikan Tinggi di Republik Indonesia melalui Program Pesisir Siswazah (Penyelidikan dan Kerja kursus) dan dengan Pemerintah Wilayah Nusa Tenggara Barat (NTB) melalui kemasukan pelajar siswazah ke Universiti Awam di Malaysia.

Dalam usaha merancakkan lagi pengantarabangsaan, **UPM telah meluluskan cadangan untuk meluaskan fungsi penilai bebas luar negara kepada Profesor Pelawat Kehormat**. Inisiatif ini akan dilaksanakan mulai tahun 2019. Tujuan pelantikan Profesor Pelawat Kehormat adalah untuk menyediakan ruang perkongsian ilmu dan kepakaran yang dapat memberi manfaat kepada fakulti dan universiti. Kehadiran Profesor Pelawat Kehormat di UPM akan memberi nilai tambah kepada UPM, antaranya UPM akan menjadi pusat rujukan sepanjang tahun yang mengumpulkan para akademik, pelajar, tokoh korporat dan pihak industri dalam program perkongsian Profesor Pelawat Kehormat.

## MENGUNGGULI WIBAWA BAKAT

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

2019 adalah tahun pelaksanaan sepenuhnya laluan kerjaya baharu pegawai akademik UPM khususnya di Kampus Serdang. **Sehingga 1 Jun 2018 lalu, 70 peratus pegawai akademik telah memilih laluan penyelidikan, 17 peratus memilih laluan pengajaran manakala 13 peratus memilih laluan pengamal profesional**. Laluan kerjaya baharu ini bertujuan menambah baik kemajuan kerjaya pegawai akademik selain memastikan skim perkhidmatan berupaya menarik bakat terbaik dalam perkhidmatan pegawai akademik Universiti. Ia juga selari dengan inisiatif yang telah digariskan dalam Lonjakan Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) yang menetapkan objektif untuk meningkatkan bakat komuniti akademik agar menjadi lebih relevan, dirujuk dan dihormati.

**UPM menyambut baik saranan Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik dalam amanat beliau pada 14 Januari 2019, agar proses kenaikan pangkat pensyarah dipermudahkan tanpa lambakan borang yang perlu diisi**. Dalam hal ini, proses kenaikan pangkat akan memanfaatkan sistem pusat data raya (***big data***) dengan teknologi kepintaran buatan (***artifical intelligence***) yang akan memuatkan semua usaha dan sumbangan para akademik, sekaligus akan menentukan kelayakan kenaikan pangkat secara automatik. **Justeru, Pejabat Pendaftar dan IDEC diberikan amanah untuk melihat akan keperluan ini yang juga dapat meningkatkan kesejahteraan tenaga pegawai akademik UPM**.

**UPM menyambut baik saranan Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Maszlee Malik dalam amanat beliau pada 14 Januari 2019, agar proses kenaikan pangkat pensyarah dipermudahkan tanpa lambakan borang yang perlu diisi**

**Penambahbaikan kriteria kenaikan pangkat turut akan dijalankan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan pelaksana dengan mengambil kira asas-asas kecemerlangan seperti inovasi dan idea baharu, impak dan kualiti penghasilan kerja**. Universiti akan menambahbaik kriteria kenaikan pangkat bukan akademik mengambil kira perkembangan semasa. Ini adalah untuk memastikan sumber manusia kumpulan bukan akademik mampu untuk mendukung tugas dan tanggungjawab. Kriteria kenaikan pangkat yang ditambah baik akan mengambil kira *Key Performance Indicator* (KPI) yang lebih jelas dan menfokus kepada impak kerberhasilan kerja, kualiti pencapaian kerja, kompleksiti tugas, kemahiran dan inovasi, kepemimpinan, pengiktirafan, disiplin serta aspek kekananan.

Bagi staf bukan akademik, pembangunan bakat mereka juga diberikan perhatian istimewa oleh universiti. Ini termasuk meneroka usaha menambah baik keperluan kemajuan kerjaya. Dalam hal ini, peningkatan nilai dan kompleksiti tugas pegawai di tempat-tempat strategik menyebabkan beban tugas yang besar perlu ditanggung oleh seseorang pegawai. Di sebabkan gred kenaikan pangkat yang terhad bagi skim P&P (Bukan Akademik) dan Pelaksana, **Pejabat Pendaftar pada tahun ini, akan meneroka usaha untuk memohon gred kanan tambahan bagi jawatan yang benar-benar mengalami perkembangan pesat dari aspek beban tugas, kepelbagaian kerja dan melibatkan perkhidmatan strategik**.

Dalam keadaan cabaran kekurangan sumber, penggunaan sumber tenaga yang optimum memainkan peranan yang sangat penting. Oleh yang demikian, inisiatif mengoptimumkan perjawatan dengan mengira beban kerja staf bukan akademik telah dilaksanakan di UPM. Instrumen telah dibangunkan dengan menggunakan pendekatan **penelitian gerak masa bekerja** atau ***Time Motion Study*** iaitu mengira waktu staf melakukan proses tugas hakiki dan kerja pukal. Berdasarkan dapatan projek rintis ini, penyusunan pengisian perjawatan dan pemberian staf tambahan berdasarkan hasil audit telah berjaya dilaksanakan. **Untuk tahun 2019, aktiviti audit perjawatan melalui kaedah Time Motion Study ini akan diteruskan dan dipanjangkan kepada skim perjawatan lain seperti Pembantu Operasi dan beberapa jawatan lain yang kritikal**. Inisiatif ini diharap akan dapat memperkukuh perjawatan universiti dan meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dengan memberi fokus utama kepada **kepuasan** dan **kepentingan pelanggan**.

Mempunyai kompetensi yang tinggi adalah faktor penting dalam melahirkan modal insan yang berwibawa di dalam UPM. Ini kerana kompetensi merupakan pengetahuan, kemahiran, sikap, serta tindakan yang membolehkan seseorang individu melaksanakan pekerjaan mereka dengan efektif atau berfungsi mengikut standard yang ditetapkan dalam sesuatu pekerjaan. Banyak usaha yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 yang memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia. Tahun 2019 akan memberi fokus kepada "Competency Profiling" untuk melihat keberkesanan sebenar staf UPM bagi membolehkan perancangan latihan yang lebih menyeluruh kepada staf. Program pembangunan kompetensi staf pelaksana seperti program Putra English Language Competency Assessment (PELCA) yang dikendalikan oleh Pusat Kompetensi Bahasa (CALC) akan diperbanyakkan lagi. Hasil daripada pelaksanaan program ini akan menyediakan data lengkap bagi perancangan latihan staf yang lebih tepat, strategik dan berkesan.

Program latihan kepemimpinan adalah komponen penting dalam memastikan kelangsungan pengurusan yang berkesan. Ia juga adalah satu kaedah bagi memastikan bakal kepimpinan yang akan datang dibekalkan dengan persiapan ilmu pengurusan dengan secukupnya dan bersedia untuk mengambil alih jawatan penting di dalam organisasi. Untuk ini, UPM akan menyediakan pelan penggantian yang lebih berstruktur dan strategik. **Oleh yang demikian, program kolaborasi strategik "AKEPT-UPM Strategic Leadership Coaching for University Leaders" yang diadakan pada tahun 2018 akan menjadi satu program berterusan untuk tahun 2019**.

Antara inisiatif baharu yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 adalah **Pelaksanaan Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi** atau Competency Based Talent Management (CBTM) untuk pelan penggantian melibatkan jawatan strategik kepemimpinan di UPM. Hasil dari inisiatif baharu ini, UPM akan menjadi lebih efektif dan berkesan dalam pelan penggantian kerana UPM mempunyai strategi penilaian, pembangunan dan pemprofilan bakat akademik dan pengurusan & profesional yang berdasarkan CBTM. Selain itu, initiatif 2019 juga akan mensasarkan kepada kepimpinan pentadbiran melalui program kolaborasi strategik AKEPT-UPM Higher Education Administrative Leadership Talent Management and Talent Development. **Melalui inisiatif baharu ini, kompetensi kepemimpinan untuk jawatan Pendaftar dan Bendahari universiti awam akan dapat disiapkan menjelang 31 Disember 2019.**

## MEMUGAR WIBAWA PELAJAR

Warga UPM yang saya kasihi sekalian,

Selaras dengan pemansuhan Seksyen 15 (1) (c), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), pelajar kini dibenarkan aktif dalam kegiatan politik dalam kampus secara sah. Perkembangan ini diharap bukan sahaja memberi pelajar lebih banyak kebebasan, tetapi menjadikan mereka lebih bertanggungjawab atas hak yang diberikan. **Ini bermakna, hak berpolitik dalam kalangan pelajar sudah tentunya perlu dipasak dengan ilmu dan adab agar politik menjadi satu wahana untuk mereka lebih berfikiran kritis, berinovatif, dan berketrampilan, dalam komunikasi untuk menabur bakti dan khidmat, bukan mendamba pengaruh dan pangkat**. Pelajar perlu bijak mengurus dan memperuntukkan masa bagi memastikan terus berjaya dalam akademik dan aktiviti ko-kurikulum, di samping penglibatan dalam politik.

Pemerkasaan pelajar akan terus dikukuhkan lagi dengan pemberian autonomi ke arah menjadikan mereka warganegara yang demokratik, peduli dan bertanggungjawab. Dalam hal ini, buat julung kali, urus selia tadbir pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 2018 telah dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar sejajar dengan amalan keterbukaan dan ketelusan. Pelajar telah dilantik sebagai Jawatankuasa Induk, Audit Pelajar, Teknikal, Lojistik, Kempen, Pendaftaran Calon, Rayuan dan Sukarelawan. Pelantikan ini secara langsung telah memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar untuk menjayakan proses pemilihan MPP sekaligus menghayati semangat demokrasi dengan lebih bermakna.

**Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa Sudut Pidato telah mendapat sambutan daripada pelajar dan bilangan peserta yang terlibat akan dijadikan penanda aras dalam usaha menyemarakkan Sudut Pidato pada 2019.**

Aspek kebebasan bersuara pelajar akan terus diraikan dengan menyediakan ruang dan peluang kepada mereka untuk berkongsi idea dan maklumat melalui Sudut Pidato di semua Kolej Kediaman, di fakulti-fakulti dan di Cafe The Royale, iaitu dengan kerjasama UPM Holdings bagi kegunaan persatuan dan kelab. Sudut Pidato adalah platform kepada pelajar untuk menajamkan kemahiran berfikir dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Walau bagaimanapun, pelajar dilarang menyentuh isu sensitif atau mengaibkan peribadi individu lain. Untuk makluman semua, Sudut Pidato tidak terbatas kepada ucapan semata-mata, tetapi diperluaskan bagi aktiviti lain seperti nyanyian, deklamasi syair, sajak, dan persembahan yang dapat mengembangkan lagi bakat dan potensi pelajar.

Untuk makluman semua, UPM telah menganjurkan siri Sudut Pidato yang melibatkan kerjasama antara Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dengan persatuan dan kelab pelajar yang berdaftar. Sehingga Disember 2018, Sudut Pidato di Kolej Kediaman telah menganjurkan lebih daripada 30 siri dengan penglibatan 300 orang perucap menyentuh pelbagai isu dan tema. **Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa Sudut Pidato telah mendapat sambutan daripada pelajar dan bilangan peserta yang terlibat akan dijadikan penanda aras dalam usaha menyemarakkan Sudut Pidato pada 2019**.

Kita percaya, dengan kebebasan berpolitik dan kebebasan bersuara yang dijamin oleh AUKU dan universiti, ia akan dapat memperhebat proses pembangunan sahsiah pelajar sekaligus dapat melahirkan graduan yang mempunyai **identiti kendiri unggul lagi wibawa. Graduan UPM dalam konteks ini adalah graduan yang mempunyai karektor tersendiri, iaitu holistik, berdaya saing, proaktif, berjiwa besar dan berpegang kepada etika dan adab serta budaya bangsa**.

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Majlis Makan Malam
SIRIH PULANG KE GAGANG
@HOMECOMING KE-10
Daripada From
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
Bayar kepada Pay to
KIRA-KIRA AM UPM
Ringgit Malaysia
RM10,000.00
Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja
Daripada From
RHONE MA HOLDINGS BERHAD
Bayar kepada Pay to
KIRA-KIRA AM UPM
Ringgit Malaysia
RM10,000.00
Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja
QSR BRANDS
Daripada From
QSR BRANDS (M) HOLDINGS BHD
Bayar kepada Pay to
KIRA-KIRA AM UPM
Ringgit Malaysia
RM10,000.00
Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia Sahaja

## MENYANTUNI ALUMNI MENCINTAI ALMA MATER

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Alumni dan alma mater, berpisah tiada. Begitulah ungkapan yang sering kita dengar bagi menggambarkan betapa akrabnya hubungan alumni dan universiti masing-masing. Perasaan kecintaan alumni terhadap alma mater akan terus menjadi fokus utama kerana **alumni adalah pemegang taruh yang menyokong, memberi maklum balas dan mempengaruhi masyarakat terhadap imej dan daya pembangunan universiti** dalam usaha melonjakkan UPM sebagai sebuah universiti bereputasi antarabangsa. Dalam hal ini, Pusat Alumni UPM (ACUPM) sentiasa berusaha untuk terus melestarikan hubungan yang baik dengan alumni, bakal alumni (pelajar UPM) dan rakan-rakan universiti melalui program yang boleh menghubungjalinkan mereka semua. Ini selaras dengan tagline ACUPM iaitu "Tradisi Menyumbang, Budaya Ikatan".

Untuk 2019, beberapa inisiatif telah dikenal pasti bagi merancakkan lagi usaha mendekati alumni, iaitu melaksanakan program Alumni Explore@UPM, **Showcase Jalinan Alumni @Zoo Taiping kali ketiga, Program Forum Ikon Alumni**, sebagai contoh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amiruddin bin Shari yang merupakan alumni UPM tahun 2003 telah dijemput ke UPM untuk berkongsi pengalaman bersama pelajar baharu sesi 2018/2019 sempena Minggu Putra Perkasa pada September 2018, melantik ikon Alumni UPM sebagai **Duta Alumni** ke seluruh dunia, meneruskan inisiatif ***Alumni Passion dan Compassion***, memperbanyakkan penubuhan Chapter Alumni Antarabangsa negara-negara yang difikirkan bersesuaian dan meneruskan serta mempergiatkan Alumni Class of 2019 Gift pada Minggu Konvokesyen UPM tahun ini. Selain itu, satu sistem pangkalan data alumni yang lebih efisien dan efektif sedang dibangunkan pada tahun 2019. Pusat Alumni diharap akan terus dinamik melangkah proaktif ke hadapan. **Selaku PTJ yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal alumni, Pusat Alumni diminta untuk terus memperkuatkan promosi visi dan misi universiti selain membina dan meningkatkan hubungan dengan Persatuan Alumni, alumni dan rakan-rakan universiti**.

Alumni adalah pemegang taruh yang menyokong, memberi maklum balas dan mempengaruhi masyarakat terhadap imej dan daya pembangunan Universiti

Persatuan Alumni UPM pula telah banyak membantu dan merapatkan hubungan para alumni dengan alma maternya. Banyak aktiviti berbentuk ceramah, seminar dan dialog telah dijalankan dengan tujuan membawa kembali alumni ke UPM untuk berkongsi pengalaman, khidmat nasihat dan sumbang bakti. Sebagai contoh, pada 26 November 2018, YB Menteri Pertanian dan Asas Tani, Dato' Hj Salahuddin Ayub yang merupakan alumni UPM tahun 1987 telah hadir ke UPM dalam sesi Town Hall sempena program 'High Value Farming Seminar'. Program ini telah menarik ramai alumni untuk kembali ke alma mater.

UPM
Majlis Makan Malam
SIRIH PULANG KE GAGANG
@HOMECOMING KE-10
SIRIH PULANG KE GAGANG
@HOMECOMING KE-10

UPM
PENAJA :

Welcome Alumni
Class 78
40th YEAR
Reunion

## MENJAYAKAN TRANSFORMASI AKADEMIK

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Status UPM sebagai Universiti Penyelidikan tidak sedikit meminggirkan pembangunan dan kemajuan fungsi pengajaran dan pembelajaran. Malah UPM akan terus menambah nilai pengajaran dan pembelajaran, antaranya menerusi pemerkasaan jaringan dengan universiti luar negara terutamanya dalam meningkatkan kualiti kurikulum program. Antara inisiatif yang dilakukan adalah semakan program dan penilai luar program. Tahun 2018 adalah tahun UPM diaudit semula sebagai Universiti Bertaraf Swaakreditasi dan berjaya melepasi audit tersebut. Status tersebut membuktikan bahawa UPM mempunyai ekosistem dan sistem kawalan yang berkesan dalam mengawal mutu program pengajian yang ditawarkan. Ekosistem ini termasuklah menyediakan latihan dan pendidikan sepanjang hayat yang diperlukan untuk mempertingkatkan kompetensi tenaga akademik untuk berhadapan dengan cabaran mendatang dengan ledakan Revolusi Industri 4.0.

Kemajuan teknologi hari ini telah mengubah gaya hidup manusia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kehidupan kita kini begitu memanfaatkan antaranya informasi digital, analisis data raya (big data), sistem berintegrasi serta aplikasi pintar. Kecanggihan teknologi ini turut menukar landskap industri sehingga mencetuskan apa yang sering diungkapkan sebagai Revolusi Industri 4.0. Sebagai Pusat Pembelajaran dan Penyelidikan yang utama pada peringkat antarabangsa, UPM sentiasa peka terhadap kemajuan serta perubahan yang berlaku. **Dalam usaha mendepani cabaran ini, pada 2019, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menubuhkan Jawatankuasa Transformasi Akademik (JTA) bagi merangka garis panduan pembangunan "Kurikulum Tersedia Masa Hadapan" (Future Ready Curriculum). Jawatankuasa ini merangkumi tiga task force, iaitu "Reka Bentuk Semula Kurikulum", "Kaedah Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Berinovasi" dan "Penaksiran Alternatif"**.

*Task Force* "Reka Bentuk Semula Kurikulum" bertanggungjawab merangka garis panduan bagi pembangunan kurikulum bersifat "boleh-lentur" atau fleksibel. Sifat kurikulum sedemikian antaranya dicerminkan melalui percantuman antara disiplin ilmu sedia ada, yang lantas membuka kemungkinan terhadap tercetusnya disiplin ilmu baharu yang diperlukan pada masa hadapan. Selain itu struktur kurikulumnya boleh berubah (tidak tegar) sesuai dengan keperluan semasa, selari dengan industri semasa dan bersifat global.

*Task Force* "Kaedah Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Berinovasi" pula menyediakan garis panduan atau bahan rujukan amalan terbaik kaedah penyampaian konvensional dan atas talian bagi memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran di UPM. Kaedah penyampaian graduan tersedia masa hadapan perlu mempunyai ciri pembelajaran imersif yang berkonsepkan heutagogi, sibergogi dan paragogi; yang disampaikan secara bersemuka dan atas talian di dalam ruang pembelajaran yang kondusif.

Manakala, garis panduan penaksiran alternatif yang disediakan oleh *Task Force* "Penaksiran Alternatif" boleh menjadi rujukan bagi memastikan penaksiran yang pelbagai, holistik dan bersesuaian untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar masa kini. Kaedah penaksiran ini mencabar pelajar untuk memahami kemampuan diri sendiri melalui maklum balas yang diterima. Melalui inisiatif Transformasi Akademik ini, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM mampu untuk melahirkan para graduan yang memiliki ilmu serta kemahiran yang diperlukan untuk menjayakan matlamat UPM melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing.

Dalam usaha mendepani cabaran ini, pada 2019, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menubuhkan Jawatankuasa Transformasi Akademik (JTA) bagi merangka garis panduan pembangunan "Kurikulum Tersedia Masa Hadapan" (Future Ready Curriculum). Jawatankuasa ini merangkumi tiga task force, iaitu "Reka Bentuk Semula Kurikulum", "Kaedah Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Berinovasi" dan "Penaksiran Alternatif"




## MENGUPAYAKAN UPM SEBAGAI KAMPUS PINTAR

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Pada tahun 2018, saya telah mengumumkan pelaksanaan Putra Future Classroom (PFC) di Fakulti Pengajian Pendidikan. Ini adalah inisiatif universiti bagi membangunkan kapasiti pembelajaran secara holistik dan bersepadu seiring dengan penggunaan teknologi berdaya maju. Seiring dengan amanat YB. Menteri Pendidikan, Putra Future Classroom di Fakulti Pengajian Pendidikan telah mewujudkan pusat kecemerlangan penyelidikan bagi inovasi pembelajaran dan pengajaran iaitu INNOVATE dengan kerjasama CADe dan fakulti lain bagi meligatkan lagi kolaborasi penyelidikan bersama rakan di sekolah, industri, dan penyelidik di universiti tempatan dan universiti terkemuka di luar negara. Rentetan daripada inisiatif awal, pihak UPM Holdings Sdn. Bhd. telah berbesar hati untuk menyumbang sejumlah RM250,000 kepada pembangunan Putra Future Classroom di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Saya berharap, pembangunan PFC ini menjadi pencetus kepada pembangunan teknologi pengajaran dan pembelajaran yang terkini, dan memantapkan pengalaman pembelajaran **(experiential learning)** pelajar di UPM Serdang dan Bintulu.

Pihak CIO dan iDEC akan melaksanakan penggunaan Kad pintar ini untuk semua warga pelajar dan staf, dan memperluaskan keupayaan fungsi kad tersebut sejajar dengan inisiatif kampus pintar yang dihasratkan, sebelum akhir 2019.

Sebagai usaha menzahirkan **ekosistem kampus pintar**, pengurusan universiti telah merangka perancangan pembangunan kampus digital melalui penggalakan kepada pembangunan fizikal yang berteraskan teknologi, penggunaan aplikasi yang membantu aktiviti teras dan sokongan, serta menyokong kepada inisiatif e-perdagangan melalui pembayaran atas talian atau tanpa tunai (cashless). Sebagai contoh, **Putra ID atau Kad Digital/Maya** yang diperkenalkan mulai pengambilan sesi akademik 2018/2019 telah dilaksanakan kepada semua pelajar baharu termasuk pelajar di UPM Kampus Bintulu. **Putra Virtual ID** adalah aplikasi berasaskan persekitaran telefon pintar dan laman web serta dilengkapi sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi kod QR dan menggantikan penggunaan kad secara fizikal.

Kad virtual ini mempunyai banyak nilai tambah penggunaan dengan kawalan yang lebih cekap berbanding penggunaan kad secara fizikal, bagi transaksi pelajar seperti pengesahan pengenalan identiti pelajar, pemantauan kehadiran pelajar ke kuliah dan aktiviti kawalan masuk ke kawasan atau kemudahan seperti di kuliah, perpustakaan, dan tempat parkir. **Pihak CIO dan iDEC akan melaksanakan penggunaan Kad pintar ini untuk semua warga pelajar dan staf, dan memperluaskan keupayaan fungsi kad tersebut sejajar dengan inisiatif kampus pintar yang dihasratkan, sebelum akhir 2019**.

UPM
Majlis Penutupan
PROGRAM INKUBASI
USAHAWANTANI
UPMKB 2018
27 NOVEMBER 2018

## MEMPERKASA PERANAN DAN SUMBANGAN KAMPUS BINTULU

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Keberadaan UPM dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kesejahteraan negara turut dijayakan oleh UPM Kampus Bintulu (UPMKB). Lebih-lebih lagi, kedudukan UPMKB di negeri Sarawak boleh menjadi pemacu kepada pembangunan negeri khususnya dan Malaysia amnya. Dalam usaha memperkasa peranan dan sumbangan UPM Kampus Bintulu, **penambahbaikan program akademik** akan dijayakan secara berperingkat. **Untuk sesi 2019/2020, dua program bacelor akan ditawarkan, iaitu Bacelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian dan Bacelor Sains Pembangunan Manusia dengan Pengurusan. UPMKB juga akan menawarkan program master secara kerja kursus, iaitu Master Teknologi Tenaga Diperbaharui**.

Selain itu, pihak UPMKB akan sentiasa merangka usaha sama dengan kementerian dan agensi tempatan berkaitan bagi menyokong hala tujunya untuk membangun modal insan di Sarawak khususnya, dan di Malaysia umumnya. Untuk tahun 2019, UPMKB akan menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan GLC yang berkaitan, antaranya Sarawak Multimedia Authority (SMA) melalui agensi yang bernaung dibawahnya iaitu Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS) untuk melaksanakan **program startup berasaskan pertanian**.

**Sepanjang tahun 2018, 12 artikel berbentuk advokasi awam berasaskan kesarjanaan oleh staf UPMKB telah diterbitkan di media tempatan**

Kerjasama ini meletakkan UPMKB menjadi sebahagian entiti dalam **Digital Innovation Hub** dibawah SMA. Manakala Sarawak Timber Development Corporation (STIDC) akan bekerjasama dengan UPMKB bermula tahun ini berkaitan pembangunan haiwan ternakan, perladangan hutan dan kerjasama latihan staf. Pihak STIDC juga akan memberikan sumbangan khusus kepada program berkaitan bidang perhutanan. Selain itu, Crop Research and Application Unit (CRAUN) selaku agensi bernaung dibawah Ministry of Education and Technological Research Sarawak (MESTR) telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan UPMKB dalam penyelidikan, matching grant, pertukaran staf, latihan industri dan pelbagai aktiviti usahasama khususnya untuk pembangunan industri sagu di Sarawak. Kita berdoa agar kolaborasi ini berjalan seperti yang dirancang.

Aspek lain yang akan dijayakan oleh UPMKB adalah mengambil inisiatif untuk mencari dana bersesuaian untuk membantu dan menyokong pengajian pelajar. Ini termasuk menyediakan Biasiswa khas untuk pelajar UPMKB daripada Yayasan Sarawak selain bekerjasama rapat dengan alumni UPMKB bagi mendapat sumbangan untuk program berkaitan pembangunan dan kebajikan pelajar. Selain itu, UPMKB turut terpanggil untuk berperanan melonjakkan visibiliti institusi dan UPM secara keseluruhannya. **Sepanjang tahun 2018, 12 artikel berbentuk advokasi awam berasaskan kesarjanaan oleh staf UPMKB telah diterbitkan di media tempatan**. Dalam hal ini, UPMKB akan sentiasa menggalakkan penulisan dalam kalangan pensyarah dan staf untuk menulis di pelbagai media. Usaha ini akan menjadikan UPMKB lebih dikenali dalam kalangan masyarakat setempat, dan boleh menjadi pusat rujukan pilihan terutama dalam bidang pertanian dan sumber bio.

## MEREKAYASA UPM HOLDINGS PEMACU PENJANAAN PENDAPATAN

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

UPM Holdings Sdn. Bhd adalah anak syarikat milik penuh Universiti Putra Malaysia. Sebagai sebuah entiti bagi penjanaan pendapatan universiti, UPM Holdings bergerak secara aktif bagi memanfaatkan teknologi, inovasi, kepakaran dan pengkomersialan, serta mengurangkan risiko kewangan terhadap universiti. Untuk itu, UPM Holdings telah diberikan taraf perintis selama lima (5) tahun bagi operasi di UPM, bagi membolehkannya bergerak maju, dan membina kapasiti perniagaan yang kukuh untuk konsep keuntungan kepada universiti secara lebih efektif.

Untuk makluman semua, UPM Holdings telah bergerak ke hadapan dengan menerajui beberapa inisiatif perniagaan untuk kemajuan universiti dan warganya. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti ELS *Centre @ UPM, KMR One Putra Residence, Café Royell*, Dewan Banquet dan Golf Uniputra. Di samping itu, UPM Holdings turut membantu universiti dalam pendanaan dan potensi penjanaan pendapatan melalui inisiatif baharu seperti *Putra Mart, Putra International School*, perkhidmatan bas di Bintulu dan Serdang, program PJJ dan T20 dan pelbagai lagi inisiatif yang mampu membantu universiti menjana pendapatan secara langsung dan melalui dividen yang diberikan.

UPM Holdings turut membantu universiti dalam pendanaan dan potensi penjanaan pendapatan melalui inisiatif baharu seperti *Putra Mart, Putra International School*, perkhidmatan bas di Bintulu dan Serdang, program PJJ dan T20 dan pelbagai lagi inisiatif yang mampu membantu universiti menjana pendapatan secara langsung dan melalui dividen yang diberikan

UPM Holdings juga turut memberikan sumbangan bermakna kepada Universiti melalui program CSR yang dilaksanakan. Sepanjang 2018, UPM holdings telah memberikan sumbangan melebihi RM750,000 kepada universiti bagi program CSR. Ini termasuk sumbangan bagi mewujudkan Putra Future Classroom di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, tabung kebajikan pelajar, pembaikan di markas PALAPES di KOSASS, mobiliti pelajar ke luar negara, pembaikan kompleks SISFEC dan pelbagai promosi dalam dan luar negara. Tidak dilupakan sumbangan UPM Holdings bagi pembinaan Menara Warisan Budi Putra sebanyak RM 1.4 juta. Saya bagi pihak UPM mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang diberikan oleh pihak UPM Holdings.

Saya percaya dengan kesungguhan dan kerjasama erat antara UPM dengan UPM Holdings, keupayaan dan kecekapan aktiviti penjanaan pendapatan akan dapat ditingkatkan secara lestari. Kesepakatan antara universiti dan UPM Holdings dalam menjayakan sesuatu projek dan kerjasama secara profesionalisme amat bertepatan dengan usaha dan hala tuju universiti. Kerjasama ini akan terus dilestarikan dengan perkongsian keuntungan secara lebih menyeluruh, termasuk dengan PTJ yang terlibat, bagi memastikan keupayaan pendanaan universiti dapat ditingkatkan.

Saya juga meminta pakar UPM, termasuk rakan korporat untuk turut serta dan memberikan sumbangan idea, inovasi perniagaan yang boleh diusahakan bersama, mencipta perniagaan dan sumber pekerjaan baharu untuk universiti dan pelajar. Mekanisme pelaksanaan boleh dibangunkan untuk tujuan pelaksanaan yang efektif, dan memberi nilai tambah kepada sumber kepakaran universiti serta memanfaatkan platform perniagaan yang disediakan melalui UPM Holdings. Saya juga percaya UPM Holdings berupaya untuk meneroka pasaran dan perniagaan baharu yang tidak dapat dilaksanakan melalui universiti sama ada dalam atau luar negara.

## MEMPERHEBAT PEMBANGUNAN FIZIKAL UNTUK KESEJAHTERAAN KAMPUS

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Tahun 2019 juga bakal menyaksikan dua pembangunan fizikal yang utama di UPM, yang akan siap, sebagai memperkukuhkan peranan universiti dalam pendidikan tinggi serta melahirkan graduan yang holistik, mempunyai minda keusahawanan dan berdaya saing. Saya dengan sukacita ingin berkongsi kegembiraan dengan warga UPM mengenai status **Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM)**. Usaha yang telah dimulakan hampir dua dekad yang lalu bagi universiti mempunyai hospital pengajarnya sendiri kini telah direalisasikan. Kewujudan HPUPM adalah bersifat memperlengkap kemudahan dan perkhidmatan Hospital Serdang dan bukan menjadi pesaing, di mana fokus diberikan kepada bidang sub-kepakaran yang tidak disediakan oleh Hospital Serdang. HPUPM juga menjadi salah satu dari hanya 3 pusat perubatan di Malaysia yang dilengkapi dengan sistem pembedahan state-of-the art iaitu, 'Robotic-Assisted Surgery' yang membolehkan Pakar Bedah melakukan pembedahan yang rumit dengan ketepatan yang jitu dan menghasilkan hasil yang lebih baik untuk pesakit, iaitu mengurangkan kadar komplikasi, tempoh masa sembuh yang lebih cepat dan proses pembedahan yang lebih sempurna. HPUPM dan Hospital Serdang akan berkongsi kemudahan tertentu secara gunasama seperti Kecemasan dan Forensik. Hospital ini dijangka mula beroperasi pada Jun 2019.

Di samping itu, menerusi **Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia** (MyAgeing), UPM akan terus memperkukuh peranan menerajui agenda penyelidikan penuaan di Malaysia. **Projek naik taraf bangunan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia dengan makmal penjagaan warga emas bersepadu dijangka siap dan sedia untuk beroperasi pada Mac 2019 ini**. Pembangunan terkini Myageing ini mampu melonjak peranan UPM sebagai hub intelektual dan fizikal dalam penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan, pembangunan insan, khidmat profesional bidang penuaan, meningkatkan kesejahteraan warga emas, keluarga dan masyarakat. **MyAgeing turut berfungsi sebagai pusat kordinasi kebangsaan untuk kajian berkaitan gerontologi, geriatrik dan geronteknologi dan memacu inovasi bersesuaian dengan perkembangan semasa berteraskan teknologi**.

Selain itu, **Menara Warisan Budi Putra** yang dilengkapi dengan dua jam dipuncaknya, diilhamkan dengan tujuan memberikan penekanan tentang kepentingan masa yang merupakan sesuatu amat berharga kepada manusia dan warga kampus UPM. Pembangunan Menara dalam kampus ini bukan sahaja sebagai daya penarik atau mercu tanda, tetapi juga simbol supaya menghargai masa dan kehidupan. Menara ini juga akan menempatkan Galeri UPM yang antara pengisiannya ialah bahan-bahan bersejarah UPM. Inisiatif ini telah digerakkan sejak 20 September 2006 dan sehingga kini telah mengumpulkan dana daripada sumbangan korporat, alumni dan warga universiti. Turut memberi sumbangan ialah UPMHoldings. Menara ini dijangka siap pada tahun 2020.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam usaha mewujudkan persekitaran kampus yang lebih kondusif, UPM telah memperkenalkan Geran Penyelidikan Isu Semasa yang memberi peluang kepada warga universiti membuat kajian untuk penambahbaikan kampus. Dalam hal ini, satu geran penyelidikan isu semasa pengangkutan telah dianugerahkan bagi mewujudkan **Kelestarian Kampus Melalui Strategi Blueprint Pengangkutan Mampan Kampus UPM. Hasil kajian ini** digunakan untuk menyediakan draf Blueprint Pengangkutan Mampan Kampus UPM yang memberi tumpuan kepada mewujudkan satu rangka kerja untuk mencapai resolusi holistik terhadap cabaran dan isu semasa pengangkutan dalam kampus. Matlamat utama Blueprint Pengangkutan Kampus Mampan UPM ini adalah untuk menetapkan rancangan dan strategi bagi mewujudkan persekitaran pengangkutan yang cekap dalam **meningkatkan pergerakan sekitar kampus dengan selamat dan efisien, tanpa menjejaskan keselamatan diri, kualiti kehidupan, suasana kampus, dan misi Universiti**, disamping sebagai strategi mengurangkan jejak karbon "carbon footprint" di dalam kampus.

Draf Blueprint Pengangkutan Mampan Kampus UPM ini dibentuk berdasarkan kepada tujuh (7) rangka strategi iaitu **meningkatkan mobiliti dan aksesibiliti kampus, mengurangkan konflik antara pejalan kaki dan kenderaan, mengimbangi permintaan dan penawaran tempat parkir, mengurangkan kebergantungan kenderaan bermotor, menggalakkan mod pengangkutan hijau, meningkatkan tahap perkhidmatan bas kampus, dan memperkasa amalan pengangkutan mampan**. Draf Blueprint Pengangkutan Mampan Kampus UPM dijangka dapat dipamerkan kepada seluruh warga kampus semasa sesi "Town Hall" akan datang untuk mendapatkan maklum balas dan penyertaan awam. Maklumat berkaitan Draf Blueprint Pengangkutan Mampan Kampus UPM juga dijangka akan dapat diakses oleh orang awam melalui laman web. Adalah diharapkan pelan ini menjadi asas kepada pembangunan mampan universiti dan seterusnya menjadi model dan indikator kepada universiti lain bagi mewujudkan kampus hijau yang selesa dan kondusif.

## MEMBUDAYAKAN WACANA DAN DEBAT INTELEKTUAL BERASASKAN KESARJANAAN

Dalam Perutusan 100 Hari, saya telah menyentuh soal bagaimana UPM perlu disuburkan dengan aktiviti kesarjanaan, selari dengan citra UPM sebagai **"Taman Ilmu dan Pemikiran"**. Antara yang boleh dilaksanakan adalah "Siri Pemikiran Serdang", iaitu satu siri wacana intelektual di peringkat universiti yang mengundang ahli akademik UPM untuk membentangkan pemikiran serta penemuan baharu daripada projek penyelidikan yang mencakupi semua bidang ilmu yang diusahakan di universiti ini. Siri pemikiran ini dianjurkan dari semasa ke semasa dan sebagai hasilnya, sebuah monograf ilmiah akan diterbitkan oleh Penerbit UPM. Di peringkat PTJ pula, siri wacana ilmiah dianjurkan meliputi disiplin ilmu yang relevan dengan niche serta bidang penyelidikan PTJ.

Saya berharap aktiviti kesarjanaan seumpama ini dapat kita gerakkan dengan lebih berkesan lagi. **Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Fakulti Ekologi Manusia (FEM) dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) kerana secara konsisten berjaya melaksanakan siri wacana intelektual berasaskan kesarjanaan dengan menampilkan pelbagai topik perbincangan. Diharap, PTJ yang lain dapat turut sama menjayakan program seumpama ini. Ini selari dengan aspirasi YB. Menteri Pendidikan untuk melihat kampus menyuburkan budaya dialog, forum, debat yang bersifat intelektual dan ke arah memberikan penyelesaian kepada masalah masyarakat dan membangunkan negara**.

## MERAIKAN VISIBILITI DAN INKLUSIVITI

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dalam usaha memastikan UPM sentiasa kompetitif dan berdaya saing, universiti perlu mempunyai governan dan tadbir urus yang lebih efisien, proaktif, dan inovatif. Untuk terus berdaya saing, kita perlu tahu bagaimana untuk menangani sebarang kemungkinan yang boleh memberi kesan negatif kepada matlamat , misi, dan visi universiti. Oleh itu, amalan pengurusan risiko menjadi semakin penting untuk memastikan sebarang kemungkinan dan kesan dari risiko adalah dalam keadaan terkawal. **Sistem Pengurusan Risiko yang dinamakan PUTRAeRISK akan mula dibangunkan sebaik sahaja Fasa 2 eDASHBOARD siap pada akhir 2019. Tiga entiti utama yang akan menyelaraskan pengurusan risiko di UPM adalah Pejabat Strategik Korporat dan Komunikasi (CoSComm), Pejabat Jaminan Kualiti (CQA), dan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja**. Dengan ini, saya menyeru agar semua warga UPM dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan pengurusan risiko di UPM dan mengamalkan budaya mengambil kira faktor risiko dalam membuat sebarang keputusan penting.

Harapan Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang berjaya, bergantung penuh kepada potensi dan bakat rakyatnya. Sehubungan dengan itu, peranan UPM sebagai institusi keilmuan perlu menterjemahkan agenda pendidikan untuk semua. Dalam hal ini, UPM perlu mempergiat usaha ke arah **inklusiviti atau keterangkuman** agar tidak ada kumpulan yang tercicir dan dinafikan hak untuk berpendidikan atas faktor kekurangan mereka. **Alhamdulillah, UPM sentiasa menjadi pilihan bagi Pelajar Kurang Upaya. Kini, seramai 30 orang Pelajar Kurang Upaya sedang melanjutkan pengajian di UPM sama ada di peringkat ijazah, sarjana atau kedoktoran**.

**UPM pasti menyokong keperluan pelajar OKU dan berterusan mengambil pelajar OKU yang mempunyai potensi dan kelayakan akademik.**

UPM akan terus komited mempertingkat semua prasarana dan kemudahan bagi keperluan pelajar orang kurang upaya (OKU) selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020. Pada masa yang sama, UPM akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan perancangan tersebut berjalan lancar. **UPM pasti menyokong keperluan pelajar OKU dan berterusan mengambil pelajar OKU yang mempunyai potensi dan kelayakan akademik**.

Agenda **pendidikan untuk semua** juga akan didukung oleh UPM dengan menggerakkan transformasi pengurusan filantropi UPM secara profesional melalui Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen atau WAZAN. Sepanjang hampir tiga tahun penubuhannya, WAZAN telah berjaya mengutip sebanyak lebih RM30 juta menerusi 17 medium kutipan seperti kaunter, skim potongan gaji dan pelbagai kutipan atas talian. Sementara itu, hampir RM12 juta dana zakat telah diagihkan kepada lebih 10,000 penerima dalam 13 jenis bentuk bantuan termasuk bantuan sara diri, tempat tinggal, kecemasan, keperluan pendidikan dan bantuan musibah kepada pelajar dan staf UPM. Wakaf tunai telah dimanfaatkan melalui empat skim utama, iaitu, **Skim Wakaf Kitab, Wakaf Fasiliti, Wakaf Umum dan Wakaf Kenderaan Khas**. Antara manfaat Skim Wakaf Kenderaan Khas ialah ambulans lengkap, telah dapat disediakan untuk kegunaan Pusat Kesihatan UPM.

Bagi memantapkan lagi pengurusan kutipan serta agihan dana wakaf dan zakat, WAZAN telah mengambil beberapa langkah proaktif dan agresif termasuk penyediaan pelan pengurusan perkhidmatan pemasaran bersepadu, penambahbaikan infrastruktur pengurusan maklumat pewakaf serta pembayar zakat bersandarkan pangkalan data, penambahbaikan saluran kutipan sumbangan wakaf dan pembayaran zakat termasuk perkhidmatan dalam talian (online), penambahbaikan 'coding' dan garis panduan baharu agihan penerima bantuan dan membangunkan program agihan yang berimpak tinggi seperti program "Melahirkan Asnaf Kelas Pertama".

Meskipun UPM mendukung inklusiviti dan keterangkuman, ia tidak termasuk kumpulan perokok. Sehubungan dengan itu, UPM sangat serius bagi memastikan kawasan kampus kekal sebagai kawasan larangan merokok. **Dalam hal ini juga, UPM telah membentuk satu jawatankuasa untuk membangun polisi UPM Bebas Rokok yang akan dilancarkan semasa Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada Mei 2019 akan datang**.

**Visibiliti** adalah salah satu perkara penting yang saya tekankan pada Amanat 100 Hari saya sebagai Naib Canselor, bagi meletakkan sesebuah universiti di satu tahap yang lebih dikenali, dirujuk dan dihormati di kaca mata masyarakat dalam dan luar negara. Alhamdulillah, UPM telah berjaya meningkatkan visibilitinya dan kini jenama UPM semakin dikenali ramai. Mengambil semangat tersebut, dalam majlis perutusan ini, UPM akan memberikan penghargaan kepada staf yang telah membantu menjayakan visibiliti UPM melalui penulisan kepakaran di media. **Saya percaya, tulisan mereka ini bukan sahaja membantu visibiliti UPM tetapi lebih penting dapat menjayakan advokasi awam untuk manfaat rakyat Malaysia**. Oleh itu, peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh mereka ini perlu kita iktiraf agar menjadi aspirasi kepada warga UPM lain. Tahniah saya ucapkan.

UPM juga menghargai sumbangan amal bakti warga universiti yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan melalui Putra Bakti. Ini termasuk inisiatif oleh **Sahabat Masjid** yang tidak putus-putus melaksanakan kerja kebajikan dalam dan luar kampus. Percayalah, untuk melakukan amal bakti ini, kita hanya perlukan hati yang bersih dan sikap empati yang tinggi. Bak kata pepatah, berat mata memandang, berat lagi bahu memikulnya.

UPM juga menghargai sumbangan amal bakti warga universiti yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan melalui Putra Bakti

## MEMBITARAI PELAN TRANSFORMASI UPM

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Pencapaian dan kecemerlangan UPM lima tahun kebelakangan ini banyak dipandu oleh Pelan Strategik UPM 2014-2020. Melalui pelan ini, kita telah memberi fokus kepada lima matlamat utama, iaitu **mempertingkatkan kualiti dan daya saing graduan, menjana nilai melalui ekosistem RDCE yang mantap dan lestari, melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat, melonjakkan UPM sebagai pusat kecemerlangan pertanian dan mempertingkatkan kualiti tadbir urus**. Kita percaya, pencapaian dan kecemerlangan UPM pada masa hadapan perlu dipacu ke tahap yang lebih tinggi melalui satu pelan transformasi yang komprehensif dan menerobos masa hadapan.

Pelan Transformasi UPM yang sedang diperkemaskan ini akan menjadi pemangkin kepada usaha melonjakkan UPM ke arah universiti yang lebih **cemerlang, relevan, berkesan dan menjadi universiti pilihan pelajar**. Melalui pelan ini, lima keberhasilan utama telah dikenal pasti yang boleh dicapai berdasarkan tindakan yang spesifik bersama jangka waktu yang telah dipastikan. Setiap keberhasilan digambarkan dengan atribut yang jelas bersama dengan stategi utama. Manakala, setiap strategi utama dilengkapi dengan inisiatif dan kaedah pengukuran yang jelas. Kelima-lima aspek ini saling berkait untuk kesan yang lebih spesifik dan memberi impak lebih tinggi.

Pelan Transformasi UPM melangkaui 2025 yang akan dilancarkan pada penghujung tahun ini adalah selari dengan hala tuju sektor pendidikan tinggi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu kualiti, autonomi, kolaborasi, dan pengantarabangsaan.

Keberhasilan pertama ialah melahirkan **graduan 'Kalis Masa Depan' (Future Proof Graduates)** yang dinamik dan mempunyai ketahanan yang sesuai dengan zaman dan cabaran masa kini dan hadapan. Keberhasilan kedua ialah **membina persekitaran pendidikan yang mesra alam (Eco-educity)** yang berupaya meningkatkan kualiti kehidupan di samping **kerjasama erat dengan industri** bagi membina masa depan yang maju. Keberhasilan ketiga ialah **melestari dan merealisasikan Serdang Agripolis**, dalam mendepani **pendidikan pertanian dan sekuriti makanan**, meraikan keserakanan dan permuafakatan dengan institusi di Serdang.

Keberhasilan keempat ialah **membangunkan 'Penjana Penyelesaian' (Solution Powerhouse)** kepada permasalahan yang bersifat tempatan dan antarabangsa, sejajar dengan inovasi dan teknologi terbaharu yang berpusatkan pendidikan tinggi, "Think Local Act Global". Manakala keberhasilan kelima ialah **mewujudkan Lembah Inovasi atau Innovation Valley** yang menjadi tumpuan inovasi, teknologi terkini dan budaya kreativiti yang menjadi katalis kepada penjanaan kekayaan dan harta intelek universiti dan negara.

Para Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Kita semua sedia maklum bahawa transformasi merujuk kepada perubahan dari keadaan sedia ada kepada keadaan yang lebih baik dan cemerlang. **Ini akan melibatkan perubahan kepada tindakan, sikap dan keadaan sekeliling yang perlu berlaku dalam keadaan yang sistematik dan melalui secara spesifik fasa perancangan untuk mencapai hasil yang ditetapkan. Ini bermakna, kejayaan transformasi UPM ini nanti memerlukan komitmen penuh dan penglibatan aktif dari semua warga UPM dan pemegang taruh untuk membina momentum transformasi yang berlanjutan dan memberi kesan yang holistik**.

Oleh yang demikian, pelan transformasi memerlukan penglibatan daripada semua pihak berkepentingan untuk membentuk dinamik dalam perubahan yang dijangkakan. **Pelan Transformasi UPM melangkaui 2025 yang akan dilancarkan pada penghujung tahun ini adalah selari dengan hala tuju sektor pendidikan tinggi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu kualiti, autonomi, kolaborasi, dan pengantarabangsaan**. Kita yakin, transformasi ini akan mendorong warga UPM untuk terus memberi fokus kepada **kualiti, kecemerlangan dan daya saing yang tinggi**.

UPM
UNIVER
PUT
AYSIA
ASTRO
ARENA

## PENUTUP

Warga UPM yang dihormati sekalian,

Sejak saya menggalas amanah sebagai Naib Canselor UPM atau lebih tepatnya Naib Canselor wanita pertama UPM, saya sangat berbangga dengan pencapaian universiti. Pencapaian UPM ini saya sifatkan amat menyeluruh, daripada penarafan ranking dunia sehinggalah sumbangan bermakna kepada komuniti, industri dan negara. Saya yakin, pencapaian UPM ini tidak datang bergolek tetapi bersandarkan kesungguhan, dedikasi dan penghayatan ***ihsan*** yang tinggi dalam kalangan warga universiti. UPM telah mempunyai tradisi kecemerlangannya. Kepakaran warganya diiktiraf lalu memacu kewibawaan institusi yang tidak boleh dijual beli. **Kekalkanlah kecemerlangan dan kewibawaan ini dengan budaya kerja berkualiti tinggi, autonomi bertangungjawab, semangat berkolaborasi dan strategi pengantarabangsaan yang mantap**.

Sebelum saya mengakhiri perutusan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini, yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang hadir sebagai penzahiran terhadap kejayaan dan kecemerlangan kita bersama. **Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga UPM, staf dan pelajar, KEPERTAMA** yang sentiasa menyokong UPM dan mengambil berat kebajikan staf, **Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir, KEPERKASA, PERMATA, Koperasi UPM dan alumni UPM atas sumbangan yang diberikan selama ini**. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Zainal Abdul Kadir, daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) atas sumbangan puisi yang penuh makna, yang turut dirakamkan dalam buku perutusan ini.

## BERILMU, BERBAKTI.

## "We Love UPM"

Sekian, terima kasih.

## PENGERTIAN "IHSAN"

Dalam tradisi keilmuan Islam, pengertian "ihsan" merangkumi setiap amal perbuatan atau pekerjaan yang baik, yang dilaksanakan dengan betul, mahir dan cekap, dengan tujuan untuk mencapai kesempurnaan serta kecemerlangan.[1] "Dictionary meanings for ihsan include "right action", "goodness", "charity", "sincerity", and the like. The root also means "to master or be proficient at"…".[2] Pengertian ini terkandung dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang antara lain bermaksud:

*Daripada Abu Ya'la Shaddad ibn Aus radiyallahu 'anh daripada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam katanya: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan atas tiap-tiap sesuatu....apabila menyembelih, maka elokkan penyembelihan. Dan hendaklah salah seorang kamu menajamkan mata pisaunya, dan hendaklah ia melapangkan [mententeramkan] binatang sembelihan. Diriwayatkan oleh Muslim.*[3]

Sesungguhnya, pengertian "ihsan" sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih di atas dapat dimanfaatkan dalam urusan pekerjaan manusia. Ini merujuk kepada aspek kesempurnaan, kualiti atau keelokan yang amat dititikberatkan oleh Islam dalam setiap pekerjaan manusia, sebagaimana yang terkandung dalam penjelasan Imam Nawawi r.h. terhadap maksud "ihsan" dalam hadis di atas.

Hadis sahih di atas menjelaskan pentingnya penyembelihan haiwan dilaksanakan dengan "ihsan" iaitu sempurna, teliti, baik dan penuh prihatin demi mententeramkan serta tidak menyeksa haiwan yang disembelih.[4] Justeru, aspek yang begitu ditekankan dalam pengertian "ihsan" ialah kemahiran serta kecekapan yang tinggi termasuklah dalam menentukan perkakasan serta peralatan kerja (tools) yang tepat dan canggih, misalnya menggunakan pisau yang tajam dan tidak tumpul dalam penyembelihan supaya tidak menyiksa haiwan.[5]

Perkara penting yang menunjangi setiap pekerjaan berasaskan "ihsan" ialah mendatangkan kebaikan serta kesejahteraan bukan sahaja kepada diri sendiri dan manusia lain, tetapi juga terhadap haiwan, tumbuh-tumbuhan serta alam persekitaran. Adalah jelas bahawa pengertian "ihsan" yang sedemikian begitu harmoni serta sebati dengan fitrah manusia yang berperadaban, dan ia adalah universal sifatnya. "Ihsan" merupakan konsep yang bukan sahaja yang begitu menitikberatkan kebaikan dan kecemerlangan, tetapi menekankan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks pentadbiran dan kepimpinan universiti, konsep "ihsan" mengajar kita supaya berusaha mencapai kesempurnaan dengan menitikberatkan kualiti melalui ilmu dan kemahiran yang tinggi, dan sekali gus menolak mediokriti (mediocrity).

Sejajar dengan Rukun Negara Malaysia yang berpaksikan kepada prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan, penerapan konsep "ihsan" dalam pentadbiran dan kepimpinan dapat meninggikan lagi martabat pekerjaan yang kita laksanakan, apabila ia tidak lagi sekadar tugas duniawi semata-mata, tetapi juga menjadi satu tanggungjawab atau amal soleh (ibadah) manusia kepada Pencipta. Melalui konsep "ihsan", matlamat pekerjaan kita tidak sekadar untuk meraih habuan material sahaja, tetapi yang lebih utama ialah memperoleh keampunan serta keredaan Pencipta, dan memberikan kebaikan serta kejayaan dalam kehidupan di dunia dan di alam yang abadi. Dengan kata lain, melalui konsep "ihsan", pekerjaan kita di dunia tidak terpisah daripada tanggungjawab kita kepada Tuhan (divine responsibility).

Sesungguhnya, pemahaman ini turut mendasari pengertian "ihsan" sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah lagi hadis sahih, yang antara lain bermaksud:

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.: Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya, datang seseorang yang bertanya, "Apakah iman itu?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Iman adalah percaya kepada Allah, para malaikat-Nya, pertemuan dengan-Nya, para rasul-Nya, dan hari kiamat. Laki-laki itu bertanya lagi, "Apakah Islam itu?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Menyembah Allah yang Esa, mendirikan solat, membayar zakat, dan mengerjakan puasa selama bulan Ramadan. Laki-laki itu bertanya lebih jauh, "Apakah yang dimaksudkan ihsan?". Rasulullah s.a.w. menjawab, "Beribadah [merujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik] kepada Allah 'Azza wa Jalla seakan-akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak bisa mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatmu"… .*[6]

Petikan hadis Rasulullah s.a.w. ini menjelaskan lagi pengertian "ihsan" yang merujuk kepada tahap keyakinan manusia yang merasakan bahawa dirinya sentiasa diawasi oleh Penciptanya. Dengan keyakinan ini, manusia senantiasa berusaha untuk melaksanakan setiap pekerjaannya dengan sebaik-baik pelaksanaan, dengan niat hanya untuk memperoleh keredaan Penciptanya. Niat yang sedemikian akan melahirkan sifat ikhlas dalam hati sanubari manusia, yang lantas dizahirkan melalui hasil pekerjaan yang berkualiti serta sempurna. Dengan kata lain, niat yang ikhlas dapat diukur pada kualiti sesuatu pekerjaan. Tanpa niat yang ikhlas, sesuatu pekerjaan itu tidak akan mendatangkan hasil yang berkualiti, cemerlang, sempurna, dan jauh sekali memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada kehidupan manusia termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan persekitarannya. Tanpa niat yang ikhlas juga, pekerjaan yang dilakukan akan hanya memberikan hasil yang "biasa", sederhana atau *mediocre* sifatnya.

Penting untuk difahami bahawa konsep "ihsan" tidak memisahkan manusia (yang pada hakikatnya terikat) dengan Penciptanya, atau diungkapkan sebagai taklif atau *divine accountability and responsibility*.[7] Dalam tradisi keilmuan Islam, soal keterikatan hubungan antara manusia dengan Penciptanya atau taklif ini sudah sedia dijelaskan dalam al-Quran Surah al-Araf, Ayat 172 yang antara lain bermaksud:

*Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang sedemikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).*

Ayat al-Quran tersebut menjelaskan asal usul penciptaan manusia yang bermula dengan termeterainya "perjanjian azali" (primordial covenant) antara setiap roh manusia dengan Penciptanya. "Perjanjian azali" (primordial covenant) ini menyatakan kesanggupan manusia untuk melaksanakan janjinya, iaitu mengabdikan ('abd) diri kepada Penciptanya dengan melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Terangkum dalam "perjanjian azali" ini juga ialah kesanggupan manusia untuk memikul amanah sebagai "khalifah" (vicegerent) di muka bumi, dengan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan akal (judicious power) mereka untuk mentadbir alam semesta dengan sebaik-baik pentadbiran.[8] Dalam konteks ini, konsep ihsan menjadi satu terjemahan terhadap hakikat keterikatan perhubungan manusia dengan Penciptanya (taklif), sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis tadi. Keterikatan hubungan antara manusia dengan Pencipta inilah yang akan melahirkan sifat serta budaya kerja yang sangat menitikberatkan aspek kualiti, kesempurnaan dan kecemerlangan.

## Nota Hujung

1. Imam Al-Nawawi. (1976) An-Nawawi's Forty. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House. hlm. 30. Istilah "ihsan" ini berasal daripada kata akar ha sim nun yang disebut sebagai "hasuna". Daripada kata akar ini, lahir satu kata kerja yang disebut sebagai "ahsana" yang mempunyai kaitan secara langsung dengan istilah "ihsan"yang membawa maksud "good, comely or pleasing". Edward William Lane, An Arabic-English Lexicon Part 2, Libraire Du Liban, Beirut, 1968, hlm. 570.

2. Imam Al-Nawawi. (1976) An-Nawawi's Forty. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: 1976, The Holy Koran Publishing House. 30.

3. Mustafa 'Abdul Rahman. (1992) Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. hlm. 220.

4. Sejajar dengan kepentingan "ihsan", syariat Islam, antaranya menggariskan adab-adab dalam penyembelihan haiwan antaranya tidak melayani haiwan yang disembelih dengan kasar, menajamkan pisau supaya tidak menyeksa haiwan, tidak menajamkan pisau di hadapan haiwan kerana dikhuatiri boleh menakutkannya, tidak menyembelih di hadapan haiwan lain, dilarang menyembelih haiwan yang bunting atau sedang menyusu, serta tidak terus melapah daging sehingga haiwan itu benar-benar mati. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Al-Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman, Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya. Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 221-225.

5. Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. The Arba'een: 40 Ahadith of Imam Nawawi. Terj. oleh Zaheer Ali, Darul-Ishaat, Pakistan. hlm. 67.

6. Imam Az-Zabidi. (2014). Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia). Terj. oleh Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd. hlm. 25.

7. Hermansen, M.K., The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha, E.J. Brill, Leiden, 1996, hlm. 9, 197, 199, 238. Shah Waliullah Dehlawi r.h. (1702-1762) merupakan seorang sarjana Islam abad ke 18 Masihi yang terkenal. Kitab karangan beliau yang penting berjudul Hujjat Allah al-Baligha yang telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Versi bahasa Malaysia diterjemahkan dan diberikan anotasi oleh Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I) dan Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I). Kedua-dua jilid ini diterbitkan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, Gombak, 2015.

8. Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1978). Islam and Secularism. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM). hlm. 52-73 & 132-136.

## RUJUKAN UNTUK PENGERTIAN IHSAN


- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Imam Al-Nawawi. (1976). *An-Nawawi's Forty*. Terj. Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House.
- Imam Az-Zabidi. (2014). *Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia)*. Terj. Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Lane, Edward William. (1968). *An Arabic-English Lexicon Part 2*. Beirut: Libraire Du Liban.
- Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. (2007). *The Arba'een: 40 Hadith of Imam Nawawi*. Terj. Zaheer Ali. Pakistan: Darul-Ishaat.
- Mustafa 'Abdul Rahman. (1992). *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Shah Wali Allah al-Dihlawi. (1996). *The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha*. Terj. Hermansen, M.K. Leiden: E.J. Brill.
- Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk II)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

## ....dari kaca mata Naib Canselor

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 26 OKTOBER 2018

**SEMPENA KONVOKESYEN UPM KE-42 ESOK**

# Alumni, alma mater, berpisah tiada

Aini Ideris

BULAN Oktober dan November sangat sinonim dengan majlis konvokesyen bagi beberapa buah universiti awam di negara ini. Selepas meraikan kedatangan pelajar baharu pada September lalu, universiti bersedia untuk 'melepaskan' graduan mereka dan bermulalah hubungan antara alumni dan alma mater.

Jika dianggarkan purata 1,000 orang graduan baharu dikeluarkan oleh setiap universiti awam, ini bermakna seramai 60,000 orang graduan berjaya dihasilkan oleh 20 universiti awam di seluruh negara setiap tahun. Angka ini sangat besar dan menyumbang kepada jumlah insan berpengetahuan tinggi dan tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk pembangunan negara.

Dalam konteks di Universiti Putra Malaysia (UPM) sahaja, seramai 6,675 orang graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing mulai esok. Daripada jumlah tersebut, seramai 630 orang menerima ijazah Ph.D, 1751 ijazah Sarjana, 3,970 ijazah Sarjana Muda dan 622 Diploma.

Pengalaman tiga atau empat tahun berada di kampus sangat penting sebelum graduan melangkah ke alam kehidupan sebenar. Sewaktu mereka berada di kampus, mereka bukan sekadar menghadiri kuliah dan menyiapkan tugasan bagi memenuhi tuntutan akademik, tetapi meraih pengalaman kehidupan kampus yang penuh makna. Kampus bukanlah sekadar tempat menuntut ilmu, tetapi mencari erti kehidupan sebenar. Di kampuslah, graduan belajar berdikari. Mereka menguruskan kehidupan dengan keputusan sendiri tanpa banyak bergantung bantuan keluarga.

Apabila menamatkan pengajian di universiti dan memperoleh segulung ijazah, ia bukanlah garis penamat bagi graduan untuk terus belajar sehingga ke peringkat tertinggi. Konsep pembelajaran sepanjang hayat perlu dihayati dan diamalkan. Proses pembelajaran ini tidak semestinya bersifat formal, tetapi boleh juga berlaku dalam konteks tidak formal yang dapat memperkukuh kemahiran insaniah, sahsiah dan keperibadian diri.

Setiap graduan ialah alumni kepada universiti atau alma mater masing-masing. Justeru, alumni mesti menjadi sebuah keluarga yang kuat. Faktor ini sebenarnya dapat menyumbang dalam dua dimensi. Pertama, memberi manfaat kepada pembangunan dan kelestarian universiti. Alumni yang kuat akan berupaya membantu alma mater mereka dengan lebih berkesan melalui pelbagai cara. Ini termasuk memberi sumbangan kepakaran, khidmat nasihat, kewangan, biasiswa, membuka ruang kerjasama universiti dan mempelbagai jaringan komuniti demi kesejahteraan rakyat.

Kita tidak menafikan sumbangan kewangan oleh para alumni sangat penting dalam menggerakkan aktiviti di universiti sama ada dalam konteks pembangunan akademik atau sahsiah pelajar. Sumbangan endowmen oleh alumni misalnya, dapat menjadi sumber kewangan alternatif kepada universiti. Peranan alumni semakin kritikal terutama dalam keadaan kewangan universiti yang terhatas.

Sebagai contoh, hasil sumbangan para alumni boleh membantu kumpulan pelajar yang cemerlang tetapi kurang berkemampuan. Bantuan seperti sumbangan kewangan, keperluan harian dan peralatan untuk belajar boleh meringankan beban mereka untuk terus menuntut ilmu dengan selesa dan fokus dalam pembelajaran.

Sumbangan para alumni juga penting dalam konteks pelaksanaan aktiviti pelajar. Misalnya, program mobiliti pelajar ke luar negara lebih mudah dijayakan dengan sokongan alumni tanpa pelajar perlu meminta sumbangan atau derma daripada pihak luar. Program mobiliti pelajar sangat penting dalam usaha mendedahkan pelajar tentang pengalaman pembelajaran dan budaya kehidupan yang berbeza.

Kedua, keakraban alumni bukan sahaja bermanfaat kepada alma mater mereka, tetapi membantu meningkatkan kebajikan sesama alumni. Jika ada yang sedang ditimpa bencana dan musibah, maka alumnilah yang akan menghulurkan sumbangan.

Cabaran utama melonjakkan peranan dan sumbangan para alumni adalah bagaimana untuk mencari dan mengumpulkan mereka agar terus kekal 'dekat' bersama alma mater mereka. Kita sedia maklum, apabila alumni telah menamatkan pengajian, mereka akan meneruskan kehidupan masing-masing. Maka di sinilah letaknya komitmen, kesungguhan dan kreativiti universiti untuk terus mencari dan menjejak kembali para alumni melalui pelbagai aktiviti, kaedah dan promosi. Sudah tentu, media sosial yang interaktif wajar menjadi wahana ampuh oleh universiti untuk berkomunikasi dan menghubungkan para alumni walau di mana mereka berada.

Seperti universiti awam lain, UPM melalui Pusat Alumni sentiasa giat menyantuni alumni melalui beberapa inisiatif. Ini termasuk memperkasakan kerjasama alumni-Alma mater, memperkukuh jaringan komuniti alumni dan masyarakat setempat, menjenamakan UPM Alumni sebagai Duta UPM dan mempergiatkan sumbangan kewangan alumni kepada alma mater.

Malah baru-baru ini, di Majlis Sirih Pulang ke Gagang yang mana Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, turut mencemar duli berangkat bersama-sama warga UPM dan alumni pada hari yang amat bermakna ini. Ia bertujuan memupuk semangat kekitaan dalam kalangan alumni, menemukan rakan lama bagi mengeratkan hubungan antara alumni dan alma mater serta landasan berkongsi kenangan lama bersama bekas rakan sekuliah, pensyarah dan alumni baharu.

Universiti sewajarnya menggunakan kesempatan terbaik sempena majlis konvokesyen dengan memperkukuh jalinan alumni demi kepentingan dan kesejahteraan bersama. Seperti kata, alumni dan alma mater, berpisah tiada. Semoga nilai kasih sayang, *sense of belonging* dan *sense of pride* terhadap universiti terus terpasak di dalam hati. Tahniah kepada graduan kelas 2018.

APABILA telah menamatkan pengajian di universiti, ia bukanlah garis penamat bagi graduan untuk terus belajar sehingga ke peringkat tertinggi. - GAMBAR HASAN/UTUSAN

**PROF. DATIN PADUKA DATUK DR. AINI IDERIS** ialah Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Utusan Malaysia, 26 Oktober 2018

# ....dari kaca mata Naib Canselor

MUKA 8 • UTUSAN MALAYSIA

RENCANA

AINI IDERIS

## Menghayati ihsan demi kesejahteraan

KECEMERLANGAN menjadi aspirasi utama bagi setiap organisasi. Malah kita sering mendengar ungkapan tidak ada pencapaian melainkan pada tahap kecemerlangan. Universiti sebagai taman ilmu dan pendidikan mesti mengamalkan budaya kecemerlangan untuk terus berfungsi manjana insan berwawasan dan berkemahiran tinggi, menjadi lab inovasi dan kreativiti serta menyumbang bakti kepada masyarakat dan industri.

Perubahan semasa telah banyak menggugat nilai dan budaya kerja. Lebih-lebih lagi, era digital mengambil tugas manusia banyak diambil alih oleh kecanggihan teknologi. Saya percaya, manusia tidak dapat mengelak daripada mengadaptasi kemudahan teknologi, kita masih perlu berpegang kepada nilai dan budaya tinggi yang akan menambah maru kerja mencapai kecemerlangan. Hakikatnya, teknologi tidak mampu menggantikan insan.

Justeru, ihsan menjadi satu nilai penting dalam kita memastikan pekerjaan yang dilakukan lebih bermakna kepada amanah, kecakapan yang tinggi, kesempurnaan, kedisiplinan, integriti, kualiti dan budaya kecemerlangan. Dalam konteks kerjaya dan pentadbiran, aspek ini sering diangkatkan sebagai 'profesionalisme' atau kecakapan kerja yang tinggi serta bermakna untuk memperoleh keseimbangan.

Hal ini bertentangan dengan tabiat melakukan pekerjaan 'asalkan siap' yang menyebabkan hasil kerja menjadi 'biasa' dan sederhana, atau juga sebagai mediokriti (mediocrity). Bagaimanapun, konsep 'ihsan' sedikit berbeza kerana ia melibatkan aspek keterikatan hubungan antara manusia dengan Penciptanya, keterikatan hubungan inilah yang akan melahirkan sifat serta budaya kerja yang sangat mengedepankan kualiti, kesempurnaan dan kecemerlangan.

Ihsan menjadi lebih penting apabila konteks kecemerlangan tidak lagi berlingar pada soal angka dan kedudukan semata-mata, tetapi mulai mencapai makna yang lebih besar, iaitu kesejahteraan. Kesejahteraan yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada kehidupan manusia seperti rasa kebahagiaan, ketenteraman, dan keyakinan.

Justeru, ihsan wajib untuk terus dianggap sebagai pemangkin kepada kesejahteraan, khususnya dalam konteks kampus dan masyarakat setempat. Dengan ihsan dalam pengajaran, kita mulai akan dapat melatih pelajar berfikir ke arah memartabatkan masyarakat apabila mereka memegang tanggungjawab dalam mana-mana organisasi.

Dengan ihsan dalam penyelidikan, kita berupaya mencipta inovasi dalam segenap bidang untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat negara ini dan dunia. Dengan ihsan dalam pentadbiran, kita mulai berhenti segala dasar dan peraturan yang berjaya hasil dari pada penyelidikan dengan masyarakat dan akan-akan dalam bidang yang sama. Dengan ihsan dalam khidmat profesional, sudah tentulah mulai kita untuk membawa inovasi yang berfungsi di tempat dan ia kepada masyarakat, agar dapat mereka manfaatkan, yang pastinya akan mampu membawa mereka mencapai kesejahteraan.

Kita boleh melihat isu kesejahteraan ini dalam dua sudut. Pertama, kesejahteraan sebagai matlamat akhir, dan kedua, kesejahteraan sebagai proses, lalu pengalaman kegembiraan bekerja yang mengja kepada matlamat kesejahteraan. Sewaktu menyampaikan pentadbiran Universiti pada awal tahun ini, saya telah berkongsi mengenai dapatan Happiness Index atau UPM10 yang telah dikendalikan oleh pada penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) pada 2017.

Dapatan menunjukkan secara keseluruhan, indeks kesejahteraan kesihatan staf Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkat dan berada pada paras 77.08 peratus. Hasil indeks ini juga menggambarkan bahawa tahap kegembiraan staf UPM berada pada tahap agak gembira.

Dapatan indeks ini pastinya akan digunakan untuk pemantapkan dimensi-dimensi yang wajib supaya dapat dipertingkatkan pada masa hadapan, bersama apabila warga universiti bersemangat untuk melaksanakan matlamat, ia akan memberikan tambahan rasa bahagia untuk mengatasi kekangan yang timbul.

Secara tuntasnya, saya percaya organisasi perlu menjadi tempat manusia pengalaman kebahagiaan untuk mencapai sikap kesejahteraan. Ini juga bermakna, universiti tidak boleh lagi menjadi tempat bekerja tapi menyata kebahagiaan semata-mata, tetapi tempat mereka tumbuh segala amanah dan sikap baik dengan rasa penuh bahagia dan sejahtera.

PROF. DATIN PADUKA DATUK DR. AINI IDERIS ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

Utusan Malaysia, 12 Mei 2018

# 'We Love UPM'

Di varsiti ini aku berdiri
Melangkah mula dan terus berlari,
Mengejar visi,
Menggenggam misi.

Puncak megah ingin aku tawani
Dengan ilmu aku berbakti,
Julang tradisi,
Unggulkan varsiti.

Ayuh,
Semat di hati,
Katakan ini

We love UPM
We love UPM
Kau sentiasa di hati
Kaulah inspirasi
Ayuh berlari
Menggapai visi
Berilmu berbakti

Ooo.. yeah

Lagu oleh:
KHAIRUL DANIEL@KD
(Pegawai Kebudayaan,
Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS UPM)

Senikata Lagu:
MOHD RADZI MUHAMAD DUL
(Alumni UPM Kelas 2010)

Nyanyian:
ADIDI TAMIN
(Pegawai Kebudayaan,
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM)

# Warga Sejati

(buat warga UPM)

Di sini, kita mengabdi diri mencari rezeki,
di atas tanah subur menghijau, bumi ini menggemilang
dan kita memikul amanah, memegang amanat.
di sini, anak-anak warisan memerah keringat
menjadi bangsa berdaulat, membawa harapan
membina impian, bahawa cita-cita akan
bersinar cemerlang.

Di sini, kita menjadi warga sejati, berbudi dan
berbakti. Dalam susah dan payah, tak pernah goyah
tekad ini semakin membara, yakin menggenggam
kejayaan bersama, sepakat dan sekata
tanpa sengketa. Di sini, kita tak pernah menyerah
kalah, malah keazaman sentiasa tersemat,
menjunjung hasrat.

ZAINAL ABDUL KADIR
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Putra Malaysia.



*Dendrobium ainiae*

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

www.upm.edu.my

facebook.com/UniPutraMalaysia @uputramalaysia instagram.com/uniputramalaysia youtube.com/user/bppupm